- Identify and consider strategic ICT initiatives and related risks aimed at delivering effective services for BEM.
- Develop, maintain, monitor and continuously update and improve ICT facilities and systems in BEM.
- Determine, monitor and revise ICT policies and practices to ensure that they continue to remain effective and accurate.
- Set up and maintain Knowledge Management System of the BEM.
- Advisory role to the Board and other committees.
- Represent the Board on matters relating to IT.
- Facilitate collation and receiving of information electronically

JAWATANKUASA KOMUNIKASI KORPORAT

Ahli:

1. Laksamana Pertama Dato' Ir. Ahmad Murad bin Omar (B) (Mekanikal) (Pengerusi)
2. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautik) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Awam)
4. Prof. Ir. Dr. Rozita binti Yusoff (Kimia)
5. Ir. Dr. Zuhairi bin Abdul Hamid (Awam)
6. Ir. Dr. Sherliza binti Zaini Sooria (Awam)
7. Ir. Abdul Razak bin Yakob (Petroleum)
8. Ir. Muhammad Muzammil bin Md Haniffa (Elektrikal)
9. Ir. Rusnida binti Talib (Awam)
10. Puan Shareen Azua binti Samat (Elektronik)
11. Puan Nur Hanim binti Mohd Muhili

Terma Rujukan:

- Menentukan identiti dan falsafah korporat BEM
- Membina imej BEM di kalangan mereka yang berkepentingan.
- Mempublikasikan peranan dan aktiviti-aktiviti, maklumat serta keputusan yang dibuat oleh BEM kepada Orang Berdaftar, pihak berkepentingan lain dan media massa.
- Mengekalkan dan menggalakkan hubungan rapat dengan semua pihak berkepentingan.
- Menyediakan draf bahan publisiti, buku maklumat, siaran media dan ucapan-ucapan serta penerbitan lain yang berkaitan, yang akan menyokong peranan BEM.
- Mencapai kualiti yang tinggi dalam pengeluaran penerbitan BEM seperti **The Ingenieur**, buku kecil dan lain-lain.
- Berusaha membiayai kos pengeluaran **The Ingenieur** dengan aktiviti pengiklanan.
- Bertukar-tukar penerbitan dengan badan-badan profesional yang lain, institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk badan-badan profesional antarabangsa.
- Mengekalkan dan mengemas kini perpustakaan BEM.
- Pusat Maklumat Depositori BEM.

CORPORATE COMMUNICATION COMMITTEE

Members:

1. First Admiral Dato' Ir. Ahmad Murad bin Omar (Rtd) (Mechanical) (Chairman)
2. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautical) (Alternate Chairman)
3. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Civil)
4. Prof. Ir. Dr. Rozita binti Yusoff (Chemical)
5. Ir. Dr. Zuhairi bin Abdul Hamid (Civil)
6. Ir. Dr. Sherliza binti Zaini Sooria (Civil)
7. Ir. Abdul Razak bin Yakob (Petroleum)
8. Ir. Muhammad Muzammil bin Md Haniffa (Electrical)
9. Ir. Rusnida binti Talib (Civil)
10. Puan Shareen Azua binti Samat (Electronic)
11. Puan Nur Hanim binti Mohd Muhili

Terms of Reference:

- Define a corporate identity and philosophy for the BEM.
- Build up the image of the BEM among its stakeholders.
- Publicise the role and activities of, information about, and decisions made by the BEM to registered engineers, other stakeholder and mass media.
- Maintain and promote close liaison with all stakeholders.
- Prepare drafts of publicity materials, information booklets, media releases and speeches and other related publication, which will support the role of BEM.
- Achieve high quality in the production of publications of BEM such as **The Ingenieur**, booklets etc.
- Strive towards making the production of **The Ingenieur** self-financing.
- Exchange publications with other professional bodies, institutions of higher learning and related government agencies including international professional bodies.
- Maintain and update the BEM library.
- Central Information Depository of the BEM.

JAWATANKUASA KUALITI

Ahli:

1. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautikal) (Pengerusi)
2. Laksamana Pertama (B) Dato' Ir. Ahmad Murad bin Omar (Mekanikal) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Ir. Dr. Ahmad Anuar bin Othman (Awam)
4. Prof. Ir. Dr. Abd Rahim bin Abu Talib (Aeronautikal)
5. Ir. Gopal Narian Kutty (Mekanikal)
6. Ir. Mohd Rasid bin Osman (Pembuatan)
7. Ir. Dr. Nor Azhar bin Mohd Arif (Elektronik)
8. Ir. Tajul Ariffin bin Mohamed Nori (Mekanikal)
9. Ir. Dr. Sha'ri bin Mohd Yusof (Industri)
10. Ir. Dr. Balamurugan A/L Gopal (Awam)
11. Ir. Mukhzani bin Abd Latif (Awam)

Terma Rujukan:

Jawatankuasa Kualiti dilantik oleh Lembaga untuk mengambil alih peranan Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan.

- Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Lembaga melalui aktiviti penambahbaikan yang berterusan.
- Mengkaji semula dokumen QMS Lembaga sekurang-kurangnya sekali setahun.
- Memastikan QMS Lembaga difahami dan dilaksanakan mengikut Objektif Kualiti dalam Manual Kualiti.
- Mengkaji prestasi keseluruhan QMS Lembaga dan membuat cadangan kepada Lembaga ke arah peningkatan QMS yang berkesan.

QUALITY COMMITTEE

Members:

1. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautical) (Chairman)
2. First Admiral (R) Dato' Ir. Ahmad Murad bin Omar (Mechanical) (Alternate Chairman)
3. Dato' Ir. Dr. Ahmad Anuar bin Othman (Civil)
4. Prof. Ir. Dr. Abd Rahim bin Abu Talib (Aeronautical)
5. Ir. Gopal Narian Kutty (Mechanical)
6. Ir. Mohd Rasid bin Osman (Manufacturing)
7. Ir. Dr. Nor Azhar bin Mohd Arif (Electronic)
8. Ir. Tajul Ariffin bin Mohamed Nori (Mechanical)
9. Ir. Dr. Sha'ri bin Mohd Yusof (Industrial)
10. Ir. Dr. Balamurugan A/L Gopal (Awam)
11. Ir. Mukhzani bin Abd Latif (Awam)

Terms of Reference:

Quality Committee is appointed by the Board to take over the role of Management Review Committee.

- Enhance the Board's QMS through continual improvement activities.
- Review Board's QMS documents at least once a year.
- Ensure the Board's QMS is understood and implemented as per the quality objectives in the Quality Manual.
- Review the overall performance of the Board's QMS and make recommendations to the Board for effective enhancement of the QMS.



**KEMAJUAN PELAN
STRATEGIK LJM 2022**
Progress of BEM Strategic Plan 2022

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik 2021 – 2025 ini mula dirangka di Bukit Tinggi, Pahang dengan matlamat untuk memacu BEM menjadi badan kawal selia yang terkemuka dan berwibawa.

Pelan Strategik ini dibangunkan dengan penglibatan Ahli-ahli Lembaga dan wakil-wakil jawatankuasa LJM. Analisis SWOT digunakan dalam merencana dan menentukan lima (5) strategi tematik dan inisiatif masing-masing yang perlu dilaksanakan. Inisiatif-inisiatif yang telah dipersetujui merangkumi fungsi-fungsi LJM seperti yang digariskan oleh Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) yang di antaranya adalah bagi mengawal selia perkhidmatan kejuruteraan dalam memastikan keselamatan awam.

Pelan Strategik ini juga merangkumi inisiatif-inisiatif yang akan membantu LJM menjadi sebuah badan yang berempati dan mengutamakan kepimpinan fraterniti kejuruteraan.

Lima strategi tematik yang merangkumi inisiatif, langkah-langkah, aktiviti-aktiviti dan garis masa telah dirangka bagi:

- menambah bilangan Orang Berdaftar; Jurutera, Teknologis Kejuruteraan serta Juruteknik Kejuruteraan.
- Memastikan semua program pendidikan kejuruteraan, teknologi kejuruteraan dan juruteknik kejuruteraan di Malaysia diakreditasi oleh LJM sekaligus mendapat pengiktirafan Washington Accord, Sydney Accord dan Dublin Accord
- Memastikan syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan ditadbir urus yang baik.
- Orang Berdaftar mempunyai ketegasan dalam kepimpinan di dalam dan luar negara, serta
- mendorong agenda penglibatan LJM dan melaksanakan fungsinya untuk mencapai tahap yang lebih tinggi.

EXECUTIVE SUMMARY

The Strategic Plan 2021 – 2025 was initiated at Bukit Tinggi, Pahang, with the aim to propel BEM to be a prominent and authoritative regulatory body.

Board members and representatives from all BEM's committees were involved in the development of the Strategic Plan. SWOT Analysis was conducted prior to ascertaining the five (5) thematic strategies and their respective initiatives to be undertaken. The initiatives agreed upon were mostly within the functions of the BEM, as outlined by the Registration of Engineers Act 1967 Amendment 2015 (REA), which are to regulate engineering services in ensuring public safety.

The Strategic Plan also included initiatives that would push for the BEM to be an empathised body and asserting the leadership of the engineering fraternity.

Five thematic strategies with initiatives, measures, activities, timelines were developed to deliver the following substantial outcomes:

- *to increase significantly the number of registered persons; engineers, engineering technologists and engineering technicians,*
- *getting all engineering, engineering technology and engineering technician education programmes in Malaysia to be accredited by BEM and thus receiving the recognition of Washington, Sydney and Dublin Accords,*
- *having Engineering Consultancy Practices with good governance,*
- *registered persons asserting leadership positions both nationally and internationally, and*
- *thrusting the BEM's engagement agenda and delivering of its functions to reach greater heights.*

Pelan Strategik ini diselia oleh Jawatankuasa Kualiti and disokong oleh Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik dan Jawatankuasa Bersama lima strategi tematik .

Setiap strategi bertema ini diselaraskan oleh Jawatankuasa LJM dengan bilangan inisiatif yang signifikan yang berkaitan dengan terma rujukannya. Lembaga dalam mesyuaratnya pada 13.10.2022 telah meluluskan pelaksanaan Pelan Strategik ini dengan kajian semula suku tahunan. Perubahan kepada langkah-langkah boleh diambil semasa semakan tahunan perancangan.

KEMAJUAN DAN PENCAPAIAN TAHUN 2022

BEM mempunyai visi yang jelas untuk diiktiraf sebagai badan berwibawa bertaraf antarabangsa yang mengawal selia amalan kejuruteraan di Malaysia. Ia juga telah memetakan Pelan Strategik BEM (2021-2025) dengan menekankan pemacu kecemerlangan dan kecekapan kejuruteraan di kalangan orang yang berdaftar.

Kemajuan serta pencapaian Pelan Strategik bagi tahun 2022 adalah seperti berikut:

The five-year Strategic Plan is overseen by the Quality Committee and supported by the Working Group on Strategic Plan and a Joint Committee of the five thematic strategies.

Each thematic strategy is coordinated by an appropriate BEM committee with significant number of initiatives related to its term of reference. The Board at its 343rd meeting on 13.10.2020 had approved the implementation of the Strategic Plan with a quarterly review to be undertaken. Changes to the measures may be undertaken at the annual review of the Plan.

PROGRESS AND ACHIEVEMENT FOR YEAR 2022

BEM has a clear vision to be recognized as an authoritative body of international standing that regulates the engineering practice in Malaysia. It has also mapped out the BEM Strategic Plan (2021-2025) with underscored the drive for engineering excellence and competence among its registered persons.

The progress and achievements for the year 2022 is as follows:

TEMA 1:

MENINGKATKAN NILAI PROFESION KEJURUTERAAN

Strategi

Mempromosi penyampaian perkhidmatan kejuruteraan dalam Rantaian Nilai Global

Deskripsi

Meningkatkan nilai profesion kejuruteraan melalui strategi mempromosikan penyampaian perkhidmatan kejuruteraan dalam rantaian global. Strategi ini bermatlamat untuk mempertingkatkan tahap kualiti Orang berdaftar dan entiti kejuruteraan ke peringkat antarabangsa dan menjejaki prestasi mereka menggunakan pangkalan data dan pengurusan pengetahuan. Sehubungan itu, galakan promosi kepakaran kejuruteraan pada peringkat global adalah amat penting. Penglibatan Orang berdaftar di peringkat global dimanfaatkan apabila mereka memenuhi standard akreditasi EAC dan ETAC pada peringkat kemasukan dan mempunyai kelayakan profesional di peringkat antarabangsa.

Inisiatif

T1.1

Meningkatkan tahap Pendidikan kejuruteraan, latihan dan pembangunan kemahiran bagi memenuhi harapan pemegang taruh.

T1.2

Membangunkan pangkalan data pakar kejuruteraan yang berperanan sebagai penyedia khidmat nasihat dan perunding di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

T1.3

Melaksanakan program outreach berkaitan peranan dan fungsi LJM bersama dengan pemegang taruh.

T1.4

Mempromosikan pendaftaran profesional bagi mencapai tahap negara maju.

T1.5

Mematuhi amalan terbaik dalam kalangan ahli profesional pada peringkat antarabangsa.

THEME 1:

ENHANCE THE VALUE OF THE ENGINEERING PROFESSION

Strategy

Promote delivery of engineering services to tap into Global Value Chain

Description

Enhancing the value of engineering profession through a strategy; *promoting delivery of engineering services to tap into Global Value*, is aimed to enhance further the standard of registered persons and engineering entities to international level and tracking their performance using database and knowledge management. Ramping up the promotion of engineering experts and the engineering entities at the global level is thus inevitable. The global involvement of registered persons is leveraged through them meeting the EAC and ETAC accreditation standards at the entry level and having qualified professionally at the international level.

Initiatives

T1.1

Raise the standard of engineering education, training and skill development to meet stakeholder expectations

T1.2

Develop databases of engineering experts for the purpose of national and international advisory and consultancy services

T1.3

Conduct outreach program with all stakeholders on the roles and function of BEM

T1.4

Promote professional registration to meet developed nation status

T1.5

Conform to international best practices among professionals

Hasil Jangkaan

Dikenali di platform antarabangsa secara individu dan organisasi.

Kemajuan sehingga 2022

1. Menerbitkan buku *Who's Who in Engineering, Malaysia*.
2. Memperkenalkan program Kepimpinan dan Pengurusan dengan kerjasama universiti tempatan.
3. Berjaya mengadakan konvensyen berstruktur untuk mempromosikan peranan dan fungsi BEM.
4. Mengkaji semula piawaian akreditasi dan penilaian profesional agar seiring dengan amalan antarabangsa.
5. Menandatangani tiga (3) Memorandum Persefahaman (MoU) baharu dan lapan (8) pembaharuan MoU Pendaftaran Graduan Kejuruteraan secara Pukal.
6. Panduan mengenai CPD telah direkodkan mengikut ISO 9001:2015.

Expected Outcome

Visible at international platform (Individually and Organisations)

Progress up to 2022

1. Published *Who's Who in Engineering, Malaysia* book.
2. Introduced Leadership and Management program in collaboration with local universities.
3. Successfully conducted structured convention promoting roles and functions of BEM.
4. Reviewed accreditation and professional assessment standards to be at par with international practices.
5. Signed three (3) new Memorandum of Understanding (MoU) and eight (8) MoU renewals on engineering graduates bulk registration.
6. Guideline on CPD has been documented under ISO 9001: 2015.

TEMA 2 :

MEMELIHARA KESELAMATAN, KESIHATAN DAN KEPENTINGAN AWAM

Strategi

Meningkatkan tahap integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam fraternity kejuruteraan

Deskripsi

Strategi untuk meningkatkan nilai teras, integriti, kebertanggungjawaban dan ketelusan LJM, dan menerapkannya ke dalam fraternity kejuruteraan; satu langkah penting bagi memelihara keselamatan, kesihatan dan kepentingan awam. Matlamat ini dapat dicapai melalui kerjasama di antara organisasi berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan persekitaran, di samping melalui galakan amalan terbaik dan tadbir urus cemerlang dalam bidang ini.

Inisiatif

T2.1

Bekerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi tempatan dan antarabangsa bagi membangunkan/mempromosikan amalan terbaik keselamatan, kesihatan dan kemampunan alam sekitar; serta menyebarkan garis panduan melalui saluran yang berkesan di Malaysia.

T2.2

Bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia atau mana-mana organisasi yang relevan bagi membangunkan garis panduan etika profesional dan integriti bagi profesion kejuruteraan dan menyebarkannya kepada fraternity kejuruteraan melalui saluran yang berkesan di Malaysia.

T2.3

Membangunkan kriteria dan proses bagi menganugerahi mana-mana organisasi yang mengamalkan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE) terbaik secara tahunan bagi mengukuhkan tingkah laku positif organisasi.

THEME 2 :

SAFEGUARD PUBLIC SAFETY, HEALTH & INTEREST

Strategy

Promote the highest level of integrity, responsibility and accountability within the engineering fraternity

Description

A strategy to promote BEM's core values, integrity, responsibility and accountability, and internalising them within the engineering fraternity, is pivotal to *safeguarding public safety health and interest*. This would be undertaken through collaborative activities with organisations responsible directly on safety, health and environment and also through promoting industry best practices and good governance in these areas.

Initiatives

T2.1

Collaborate with relevant local and international authorities and agencies to develop/promote best practices for safety, health and environmental sustainability and disseminate the guidelines via effective channels within Malaysia

T2.2

Collaborate with Malaysian Integrity Institute or other relevant bodies to develop/promote guidelines on professional ethics and integrity for Engineering Profession and disseminate them to all engineering fraternity via effective channels within Malaysia

T2.3

Develop criteria and process for rewarding organizations that adopt best Safety, Health & Environment (SHE) practices for yearly reward to reinforce positive organizational behaviours.

Hasil Jangkaan

Amalan integriti bagi memacu anjakan budaya Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE).

Kemajuan sehingga 2022

1. Berjaya menghasilkan dan mengedarkan perkara-perkara berikut:
 - (i) Panduan Sistem Pengurusan Integriti bagi Amalan Perundingan Kejuruteraan.
 - (ii) Kompilasi amalan Keselamatan & Kesihatan di peringkat kebangsaan.
2. Mengadakan tiga (3) webinar dan Sesi Libat Urus semasa Konvensyen LJM 2022.
3. Memperkenalkan Anugerah Kecemerlangan Keselamatan, Kesihatan, dan Alam Sekitar (BESHEXA).

Expected Outcome

Adoption integrity pledge to drive a shift in Safety, Health & Environment (SHE) culture

Progress up to 2022

- 1) Managed to produce and circulate the following:
 - (i) Guidelines on Integrity Management System for Engineering Consultancy Practices.
 - (ii) Compilation on Safety & Health practices at national level.
- 2) Conducted three (3) webinars and Engagement during BEM Convention 2022.
- 3) Introduced BEM Safety, Health and Environment Excellence Award (BESHEXA).

TEMA 3 :

PENEGASAN KEPIMPINAN KEJURUTERAAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Strategi

Memperkasakan profesional kejuruteraan bagi mencapai peranan kepimpinan dalam industri.

Deskripsi

Penegasan kepimpinan profesion kejuruteraan melalui strategi pemerkasaan profesional kejuruteraan bagi memperoleh peranan kepimpinan dalam industri, memerlukan pendekatan proaktif bagi melonjakkan profesional kejuruteraan mencapai kedudukan pemimpin di peringkat peringkat tempatan dan antarabangsa. Orang berdaftar akan dipandu untuk melibatkan diri secara aktif dalam menetapkan polisi, hala tuju dan agenda kejuruteraan.

Inisiatif

T3.1

Menguukuhkan pendidikan, latihan bagi memastikan kecekapan (teknikal dan bukan teknikal) serta mengetuai perikatan kejuruteraan dan pengurusan bakat/ kemahiran.

T3.2

Menyediakan platform bagi kerjasama industri untuk meningkatkan rangkaian dan mobiliti para jurutera profesional.

T3.3

Bekerjasama dengan kerajaan dan industri bagi meningkatkan kepimpinan dalam kalangan jurutera dengan penekanan dalam syarikat yang berkaitan dengan kejuruteraan.

THEME 3 :

ASSERT LEADERSHIP OF ENGINEERING PROFESSION NATIONALLY & INTERNATIONALLY

Strategy

Empower engineering professionals to gain industry leadership role.

Description

Asserting the leadership of the engineering profession through a strategy; *empowering engineering professionals to gain industry leadership role*, calls for a proactive approach to thrust engineering personnel to leadership positions at national and international levels. Registered persons would be ushered to be actively involved in determining policies, directions and engineering agendas.

Initiatives

T3.1

Strengthen education, training, ensure competency (technical and non- technical) and take the lead in engineering alliances and talent management

T3.2

Create platforms for industry collaboration to enhance networking and mobility of professional engineer

T3.3

Engage with Government and industry to promote leadership of engineers is asserted in engineering related companies

Hasil Jangkaan

Peningkatan 10 kali ganda jurutera memegang jawatan kepimpinan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kemajuan sehingga 2022

1. Berjaya mengenal pasti bakat-bakat kejuruteraan seperti yang diterbitkan dalam buku *Who's Who in Engineering, Malaysia* (Edisi 1).
2. Buat pertama kali dalam sejarah, memperkenalkan Anugerah
 - (i) Tokoh Kejuruteraan Malaysia BEM
 - (ii) Tokoh Muda Kejuruteraan Malaysia BEM.
3. Berjaya mengadakan sesi libat urus dalam kolaborasi industri.

Expected Outcome

10-fold increase in engineers take on leadership positions nationally and internationally.

Progress up to 2022

- 1) Successfully identified engineering talents as published in *Who's Who in Engineering, Malaysia* (Edition 1) book.
- 2) Introduced first ever BEM Awards:
 - (i) BEM Malaysia Most Prominent Engineering Leader Award
 - (ii) BEM Malaysia Most Prominent Young Engineering Leader Award.
- 3) Successfully conducted engagement on industry collaboration.

TEMA 4 :

MENINGKATKAN IMEJ DAN PENJENAMAAN

Strategi

Meningkatkan penglibatan dengan pemegang taruh bagi meningkatkan martabat profesion kejuruteraan.

Deskripsi

Meningkatkan imej dan jenama BEM melalui strategi; mengukuhkan penglibatan dengan pemegang taruh demi meningkatkan martabat profesion kejuruteraan sekaligus memantapkan LJM sebagai badan pengawalseliaan berprinsip dan berempati. Menguruskan persepsi menerusi komunikasi yang efektif dan menyediakan maklumat yang cepat dan tepat adalah asas penting.

Inisiatif

T4.1

Meningkatkan jenama LJM

Hasil Jangkaan

Transformasi bagi menjadi pihak berkuasa yang berprinsip dan empati

Kemajuan sehingga 2022

1. Menyelesaikan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan.
2. Penampilan di dalam rancangan bual bicara di televisyen dan radio bagi mempromosikan LJM dan bidang kejuruteraan.
3. Libat urus dengan media (RTM & NST).
4. Menghasilkan produk-produk *merchandise* (tali leher & selendang).
5. Menyelesaikan sembilan (9) soal selidik beserta analisa dan laporan.
6. Mengadakan Program Libat Urus dengan Pihak Berkepentingan mengenai penjenamaan dan imej LJM.
7. Mempromosikan penerbitan LJM di peringkat nasional dan antarabangsa.

THEME 4 :

ENHANCE PUBLIC IMAGE & BRANDING

Strategy

Enhance engagement with stakeholders to raise stature of engineering profession

Description

Enhancing BEM's public image and brand via a strategy; Boosting *engagement with stakeholders to raise the stature of engineering profession*, would strengthen BEM as a principled and empathised regulatory body. Managing perceptions through effective communication and providing prompt and accurate information are thus fundamental.

Initiative

T4.1

Enhance BEM brand

Expected Outcome

Transformation to become principled and empathy authority

Progress up to 2022

- 1) Completed and implemented Customer Service Management System.
- 2) TV appearance and radio talk show to promote BEM and engineering.
- 3) Engagement with media (RTM & NST).
- 4) Produced merchandise products (neck tie & shawl).
- 5) Completed nine (9) surveys including analysis and report.
- 6) Organised BEM Stakeholders Engagement Session on BEM Image and branding.
- 7) Promoted BEM publication at national & international level.

TEMA 5 :

MENINGKATKAN KEJURUTERAAN TVET

Strategi

Menerajui dalam mempromosikan teknologis kejuruteraan dan juruteknik kejuruteraan.

Deskripsi

Mengukuhkan teknologi kejuruteraan, satu domain baharu dalam fraterniti kejuruteraan, adalah penting bagi menggalakkan pembangunan teknologis kejuruteraan dan juruteknik kejuruteraan. Penglibatan secukupnya dengan pelbagai pemegang taruh adalah sangat penting bagi memberi pengiktirafan sewajarnya ke atas peranan melengkapkan teknologis kejuruteraan; di samping peranan sokongan penting juruteknik kejuruteraan seperti yang termaktub dalam REA.

Inisiatif

T5.1

Melaksanakan aktiviti-aktiviti outreach terhadap penyedia TVET (institut), pemilik (kementerian) dan pemegang taruh lain.

T5.2

Meningkatkan kerjasama dan perkongsian dengan pihak berkaitan lain melalui memorandum persefahaman dengan organisasi seperti MBOT, JPK-NOSS, MYSET, IEM, TAM dan COWAM.

T5.3

Membangunkan standard kemahiran kejuruteraan TVET.

T5.4

Menjalankan penyelidikan dan kajian mengenai TVET berkaitan dengan kejuruteraan.

THEME 5 :

PROMOTE ENGINEERING TVET

Strategy

Lead in promoting engineering technologists and engineering technicians

Description

Strengthening engineering technology, a new domain within the Engineering fraternity, is essential to *promote the development of engineering technologists and engineering technicians*. Considerable engagement is crucial with the various stakeholders in order to give due recognition to the complementary roles of engineering technologists and vital supporting roles of engineering technicians, as promulgated in the REA.

Initiatives

T5.1

Implement outreach activities to engineering TVET providers (institutes), owners (ministries) and other stakeholders

T5.2

Enhance collaboration and partnership with other associated parties such as MoU with organizations like MBOT, JPK-NOSS, MYSET, IEM, TAM and COWAM

T5.3

Establish engineering TVET competency standard.

T5.4

Conduct research and studies on engineering TVET, with respect to the engineering team.

Hasil Jangkaan

80% IHL mempunyai program yang diakreditasi oleh ETAC dan peningkatan pendaftaran lima (5) kali ganda Teknologis Kejuruteraan dan Pemeriksa Tapak.

Kemajuan sehingga 2022

1. Terlibat dengan dua (2) Politeknik (Sabah dan Sarawak), industri (FMM), dan Konvensyen LJM 2022 (Webinar – Mempromosi Kejuruteraan TVET).
2. Mengenal pasti kerjasama dengan JPK-NOSS dan JPPKK.
3. Membangunkan piawaian kompetensi TVET kejuruteraan.
4. Mengenal pasti topik penyelidikan untuk kerjasama dengan universiti tempatan.

Expected Outcome

80% of IHL having accredited programs with ETAC and 5 fold increase registration of Engineering Technologist and Inspector of Works

Progress up to 2022

- 1) Engaged with two (2) Polytechnics (Sabah and Sarawak), industry (FMM) and BEM Convention 2022 (Webinar – Promote Engineering TVET).
- 2) Identified collaboration with JPK-NOSS and JPPKK.
- 3) Developed engineering TVET competency standard.
- 4) Identified research topic for collaboration with local University.

MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN – Memastikan Pendidikan Kejuruteraan Berkualiti

ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL – Ensuring Quality Engineering Education

LATAR BELAKANG EAC

MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC)

Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) merupakan badan yang ditugaskan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) untuk pengakreditasi program ijazah sarjana muda kejuruteraan. EAC telah ditubuhkan pada tahun 2000, yang terdiri daripada wakil-wakil dari LJM, Institusi Jurutera Malaysia (IEM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

EAC memastikan kualiti graduan program kejuruteraan dapat dipertingkatkan melalui proses akreditasi. Sehingga 31 Disember 2022, terdapat 271 program kejuruteraan yang diiktiraf oleh EAC dan tersenarai dalam Daftar EAC dan MQA.

PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA DAN IMPAK GLOBAL

Program kejuruteraan yang diakreditasi oleh EAC kini ditanda aras kepada piawaian antarabangsa. LJM telah menjadi Penandatangan Penuh Washington Accord (WA) di bawah naungan International Engineering Alliance (IEA) semenjak dari tahun 2009. Penilaian semula pada tahun 2015 telah melayakkan Malaysia untuk terus menjadi penandatangan WA selama enam (6) tahun lagi. Penilaian berkala kali kedua dijangka akan berlangsung pada tahun 2023. Melalui pengiktirafan ini, program kejuruteraan yang diakreditasi EAC kini diiktiraf oleh 23 penandatangan WA.

Kualiti pendidikan kejuruteraan dan sistem pendidikan negara adalah sama taraf dan sejajar dengan negara maju di dunia. Pelaksanaan proses akreditasi EAC dan penambahbaikan yang berterusan telah berjaya meyakinkan serta menarik pelaburan luar dalam pendidikan kejuruteraan di Malaysia. Kini banyak universiti antarabangsa membuka kampus cawangan di Malaysia. Ini merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia dan menjadikan negara ini sebagai hab pendidikan kejuruteraan antarabangsa yang mapan.

ABOUT EAC

ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL (EAC)

Engineering Accreditation Council (EAC) is the body delegated by Board of Engineers Malaysia (BEM) for accreditation of engineering bachelor degree programmes. The EAC was established in year 2000, comprising representatives from the BEM, Institution of Engineers Malaysia (IEM), Malaysian Qualifications Agency (MQA) and the Public Services Department (PSD).

The EAC assures quality of engineering degree graduates are enhanced through the accreditation process. As of December 31, 2022, the total number of engineering programmes accredited by the EAC is 271 and they are registered under the EAC and MQA Registers.

INTERNATIONALLY RECOGNISED AND GLOBAL IMPACT

All EAC accredited engineering degree qualifications are benchmarked to international standards. BEM has been a Full Signatory to the Washington Accord (WA) under the administration of the International Engineering Alliance (IEA) since 2009. The first review which was conducted in 2015 has qualified Malaysia to maintain her full signatory to the WA status for another six (6) years. A second periodic review is expected to take place in 2023. Through this recognition, EAC accredited engineering programmes are now recognised by 23 WA signatory member countries.

This indicates that the quality of engineering education as well as our national education system in Malaysia is on a par with that of developed countries in the world. The effective implementation of the EAC accreditation and continuous quality improvement processes has indeed been successful in convincing external investors to invest into engineering education in Malaysia. This is evidenced by the setting up of branch campuses by many renown international universities we now see in Malaysia. This does not only stimulate the national economic growth but it has also turned Malaysia into a sustainable global engineering education hub.

PENCAPAIAN EAC

Pada tahun 2022, sebanyak empat (4) sesi penglibatan bersama pemegang taruh dan pihak yang berkepentingan telah dilaksanakan, yang mana terdapat satu (1) sesi melibatkan pihak luar negara. LJM telah memainkan peranan yang penting dalam kesemua penglibatannya di peringkat antarabangsa.

Pelantikan dari IEA membuktikan pengiktirafan dan keyakinan badan antarabangsa itu terhadap keupayaan wakil LJM.

Tugasan sebagai mentor IEA kepada Penandatangan Sementara WA seperti BAETE-IEB, Bangladesh (semenjak 2016), COREN Nigeria (semenjak 2018) dan EBK, Kenya (semenjak 2020) berjalan dengan baik dan lancar. Pada masa ini, Bangladesh sedang menjalani penilaian Penandatangan Penuh WA, dari bulan Disember 2021 dan dijangka berakhir pada bulan Januari 2022.

Wakil EAC telah hadir sebagai Pemerhati WA secara untuk program Ijazah Kejuruteraan Polimer, Suranaree University of Technology, Thailand dalam penilaian penandatangan penuh WA yang diadakan pada 28 dan 29 Mac 2022 secara maya.

Wakil EAC turut hadir sebagai Pemerhati WA dalam mesyuarat keputusan Lembaga Akreditasi Kejuruteraan Kanada (CEAB) yang diadakan secara dalam talian oleh CEAB pada 3 Jun 2022. Ini merupakan perkongsian yang baik di kalangan penandatangan WA.

Wakil EAC telah dijemput dan dilantik sebagai penceramah jemputan dan ucap utama pada sesi perkongsian di dalam dan di luar negara. Sebahagian dari sesi tersebut adalah seperti yang tersenarai di bawah:

- Bengkel Bertajuk “OBE Talk and Workshop (Knowledge Profile, Complex Engineering Problem And Complex Engineering Activities) For Engineering And Engineering Technology Programme” di UNIKL MSI, Kulim, Kedah, 7 Februari 2022.
- Online Aligning Sustainable Development Goals (SDG) to A New Graduate Attribute For Engineering Programme By New IEA Manual (EAC), USM, 15 Februari 2022.
- International Women’s Day Conference 2022, Perak, 8 Mac 2022.
- Online ICACIT 2022 Evaluators Update Program, Peru, 19 Mac 2022

EAC ACHIEVEMENTS

In 2022, a total of four (4) stakeholder engagement sessions was conducted, of which one (1) of them involved foreign parties. BEM has demonstrated and played its role well in the international scenes.

The appointment by the IEA demonstrates the international body’s recognition and confidence in the ability of BEM’s representatives.

IEA mentoring assignments are ongoing for Provisional WA members such as BAETE-IEB, Bangladesh (since 2016), COREN Nigeria (since 2018) and most recently, EBK, Kenya (since 2020). Currently, Bangladesh is undergoing the verification assessment towards full WA signatory status, from December 2021 and expected to complete in January 2022.

EAC representatives were present as WA Observers for Bachelor of Engineering Program in Polymer Engineering, Suranaree University of Technology, Thailand in the assessment of WA’s full signatory which was held on 28 and 29 March 2022 virtually.

EAC representatives were also present as WA Observers for the Canadian Engineering Accreditation Board’s (CEAB) decision meeting held online by the Canadian Engineering Accreditation Board on June 3, 2022. This was a good sharing among WA signatory.

EAC representatives were invited and appointed as guest speakers and keynote speakers at sharing sessions at home and abroad. Some of the sessions are listed below:

- OBE Talk and Workshop (Knowledge Profile, Complex Engineering Problem And Complex Engineering Activities) For Engineering And Engineering Technology Programme, UNIKL MSI, Kulim, Kedah, 7 February 2022.
- Online Aligning Sustainable Development Goals (SDG) to A New Graduate Attribute For Engineering Programme By New IEA Manual (EAC), USM, 15 February 2022.
- International Women’s Day Conference 2022, Perak, 8 March 2022.
- Online ICACIT 2022 Evaluators Update Program, Peru, 19 March 2022.

- Pada tahun 2022, EAC telah mengendalikan sesi perkongsian ilmu dan maklumat bersama IPT dan panel penilai EAC. Perbincangan telah berjaya melahirkan beberapa penyelesaian kepada masalah yang merupakan asas dalam proses akreditasi dan pendidikan kejuruteraan. Sesi perkongsian tersebut adalah seperti berikut:

1. EAD-HOP Verification Visits (VV) Dialogue, 3.1.2022
2. Training for WA Panels, Observers & IHLs, 28.9.2022

EAC bersama pemegangtaruh penting dalam negara telah menghasilkan keputusan keperluan bertindak untuk menentukan hala tuju pendidikan kejuruteraan dan kualiti graduan. Keahlian dan jawatankuasa yang berkaitan adalah seperti berikut:

1. Mesyuarat IEA 2022, 1-8 Julai 2022
2. Ahli Jawatankuasa Tetap Mesyuarat Saringan Awal (MSA) dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Jabatan Pendidikan Tinggi, Sesi 2021-2022.
3. Bengkel Semakan Pendaftaran Program Prasiswazah Dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR), 10 Mei 2022.
4. Mesyuarat Penyelarasan Antara Agensi Kelayakan Malaysia Dengan Lembaga Jurutera Malaysia, 10 Mei 2022.

Peranan LJM dalam IEA dan WA adalah sangat penting sebagai pemangkin pembangunan kejuruteraan di Malaysia. LJM telah menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan sentiasa mengambil bahagian dengan penglibatan yang aktif dan terus menyumbang dalam aktiviti pendidikan dan keprofesionalan.

Malaysia sentiasa bertekad untuk memenuhi piawaian antarabangsa. EAC telah menubuhkan pelan tindakan strategik dan sasaran untuk memastikan EAC memenuhi kehendak piawaian ini.

KEMAMPANAN KEWANGAN

EAC kini beroperasi di bawah belanjawannya sendiri yang diperolehi daripada yuran akreditasi yang dibayar oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sokongan berterusan LJM.

TABDIR URUS DAN STRUKTUR

Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD) mengendalikan semua operasi EAC. Pentadbiran EAD terdiri daripada seorang Pengarah, enam (6) Pengarah Bersekutu (AD) yang dilantik mengikut kluster kejuruteraan dan sekretariat. Rajah 1 menunjukkan carta organisasi EAC dan ETAC.

- In 2022, the EAC conducted knowledge and information sharing sessions with IHLs as well as the EAC evaluation panel members. Discussions have resulted in numerous solutions to issues that are fundamental to the accreditation and engineering education processes. The sharing sessions are as follows:

1. EAD-HOP Verification Visits (VV) Dialogue, 3.1.2022
2. Training for WA Panels, Observers & IHLs, 28.9.2022

The EAC, in collaboration with key stakeholders in the country, has reached a conclusion that there is a need to act and determine the direction of engineering education and the way forward to produce quality graduates. The following are the membership in relevant committees:

1. IEA Meeting 2022, 1-8 July 2022
2. Ahli Jawatankuasa Tetap Mesyuarat Saringan Awal (MSA) dan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT), Jabatan Pendidikan Tinggi, Sesi 2021-2022.
3. Bengkel Semakan Pendaftaran Program Prasiswazah Dalam Daftar Kelayakan Malaysia (MQR), 10 May 2022.
4. Mesyuarat Penyelarasan Antara Agensi Kelayakan Malaysia Dengan Lembaga Jurutera Malaysia, 10 May 2022.

The roles of BEM in IEA and WA are paramount important to serve as a catalyst for engineering development in Malaysia. BEM has received international recognition and always participates with active involvement with the aim to continuously contribute to educational and professional activities.

Malaysia is always determined to keep abreast with the international standards and expectations. EAC has established strategic action plans and targets to ensure that the EAC meets the standard requirements.

FINANCIAL SUSTAINABILITY

EAC is currently operating under its own budget obtained from accreditation fee paid by the Institutions of Higher Learning (IHLs) and continuous support of the BEM.

GOVERNANCE AND STRUCTURE

The operation of EAC is supported by its administrative arm, the Engineering Accreditation Department (EAD). The set up includes a Director, six (6) Associate Directors (AD) appointed according to engineering cluster and a secretariat. Figure 1 shows the EAC and ETAC organisation chart.

EAD juga disokong oleh jawatankuasa yang mengawasi pembangunan tahap akreditasi, perubahan budaya berasaskan hasil di IPT, jaminan kualiti dan hal ehwal peringkat antarabangsa.

Dalam menghadapi cabaran pandemik COVID-19, Kerajaan Malaysia telah menilai dasar pencegahan dan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (MCO) secara berterusan. Oleh kerana itu, EAC telah membuat semakan ke atas dokumen panduan dan protokol akreditasi, iaitu:

1. Guiding Principles on Teaching-Learning and Assessment Implementation During COVID-19 Pandemic, Guideline No: 005, BEM (bertarikh 05.06.2021) (Ini adalah semakan ke atas dokumen panduan yang bertarikh 30.3.2020). Semakan ini menjelaskan pengisian Seksyen 3.0, memberikan beberapa contoh dan kemaskini ayat.
2. EAC and ETAC Procedure on Conducting Virtual Accreditation Visit (VAV), (Diluluskan pada 16.07.2021). (Prosedur asal diluluskan oleh EAC pada 19.11.2020 dan oleh ETAC pada 17.11.2020). Semakan ini memberikan lebih masa kepada IPT, dari 7 hari kepada 14 hari, menyediakan dokumen dan video lawatan akreditasi dalam format digital.
3. EAC and ETAC Procedure – MCO and Post MCO from 1st January 2021 onwards, (Diluluskan pada 17.11.2020). Prosedur asal diluluskan oleh EAC pada 19.11.2020 dan oleh ETAC pada 17.11.2020. Semakan ini membenarkan semua lawatan akreditasi dijalankan secara dalam talian sehingga keadaan dalam negara adalah terkawal.

Terdapat dua (2) buah pekeliling yang telah diluluskan oleh EAC bagi meningkatkan kualiti pengajaran kurikulum pendidikan kejuruteraan, iaitu:

1. Circular on Requirement on The Minimum Number of Professional Engineers for Engineering Programme (bertarikh 25.08.2021). Pekeliling ini berkuatkuasa dari 1 Januari 2021. (Semakan kepada pekeliling asal bertarikh 16 Oktober 2017 yang tamat pada 31 Disember 2020).
2. Circular on Teaching Related Engineering Courses by A Nonregistered Person and/or Scientist (bertarikh 25.08.2021). Pekeliling ini berkuatkuasa dari 1 Julai 2021.

EAD is also supported by a task force and its committees that oversee the development of accreditation standards, the outcome-based culture changes at IHLs, quality assurance and international affairs.

In response to the COVID-19 pandemic, the Malaysian government continuously reviewed the preventive and implementation of the Movement Control Order (MCO). In view of the such situation, EAC and ETAC have revised the guiding documents and accreditation protocols, namely;

1. *Guiding Principles on Teaching-Learning and Assessment Implementation During COVID-19 Pandemic, Guideline No: 005, BEM (dated 5.06.2021) (This is a revision to the guideline dated 30.3.2020). The revision elaborated the contents in Section 3.0, provided few examples and refined the sentences.*
2. *EAC and ETAC Procedure on Conducting Virtual Accreditation Visit (VAV), (Approved on 16.7.2021). (This procedure is a revised version approved by EAC on 19.11.20 and ETAC on 17.11.20). The revision provides a longer duration, from 7 days to 14 days, for the IHL to provide digitised documents and videos for the accreditation visit.*
3. *EAC and ETAC Procedure – MCO and Post MCO from 1st January 2021 onwards, (Approved on 17.11.2020). This procedure is a revised version approved by EAC on 19.11.20 and ETAC on 17.11.20). The revision allows all accreditation visits to be conducted on virtual platform until the situation in the country is under control.*

There are two (2) circulars that have been approved by the EAC with the aim to improve the quality of teaching and curriculum of the engineering education, namely:

1. *Circular on Requirement on The Minimum Number of Professional Engineers for Engineering Programme (dated 25.8.2021). The circular is effective from 1st January 2021. (This is a revision to the circular dated 16 October 2017 which ended on 31 December 2020).*
2. *Circular on Teaching Related Engineering Courses by A Nonregistered Person and/or Scientist (dated 25.8.2021). This circular is effective from 1st July 2021.*

Ahli:

LJM

1. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi bin Abd Shukor (Mekanikal)(Pengerusi)
2. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammed Rafiq bin Abdul Kadir (Mekanikal)
3. Dato' Prof. Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha (Awam)
4. Prof. Emeritus Ir. Dr. K. S. Kannan (Mekanikal)
5. Ir. Dr. Shahrudin bin Muslimin (Elektrikal)
6. Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin (Mekanikal)

INDUSTRI

7. Ir. Azmi bin Osman (Mekanikal) - PROTON
8. Dato' Ir. Dr. Goh Teik Cheong (Awam) – M.E.I. Project Engineers Sdn. Bhd.
9. Ir. Rafil bin Elyas (Kimia) – East One-Zero-One Sdn. Bhd.

IEM

10. Ir. Mohd. Aman bin Haji Idris (Elektrikal) (Timbalan Pengerusi)
11. Ir. Juares Rizal bin Abd Hamid (Kimia)
12. Ir. Chen Harn Shean (Awam)
13. Tan Sri Dato' Ir. Prof. Emeritus Dr. Chuah Hean Teik (Elektrikal)
14. Ir. Prof. Dr. Zainal Abidin Ahmad (Elektronik)
15. Laksamana Pertama (Bersara) Dato' Ir. Ahmad Murad bin Omar (Mekanikal)

JPA

16. En. Wan Muzani bin Wan Idris
 - Puan Mimi Nazrah binti Majidi (Wakil Ganti)

MQA

17. En. Abdul Saman bin Taip
18. Encik Mohd Ishak bin Mohd Hussaini (Wakil Ganti)

Members:

BEM

1. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi bin Abd Shukor (Mechanical)(Chairman)
2. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohammed Rafiq bin Abdul Kadir (Mechanical)
3. Dato' Prof. Ir. Dr. Kamal Nasharuddin bin Mustapha (Civil)
4. Prof. Emeritus Ir. Dr. K. S. Kannan (Mechanical)
5. Ir. Dr. Shahrudin bin Muslimin (Electrical)
6. Ir. Dr. Abdul Murad bin Zainal Abidin (Mechanical)

INDUSTRY

7. Ir. Azmi bin Osman (Mechanical) – PROTON
8. Dato' Ir. Dr. Goh Teik Cheong (Civil) – M.E.I. Project Engineers Sdn. Bhd.
9. Ir. Rafil bin Elyas (Chemical) – East One-Zero-One Sdn. Bhd.

IEM

10. Ir. Mohd. Aman bin Haji Idris (Electrical) (Alternate Chairman)
11. Ir. Juares Rizal bin Abd Hamid (Chemical)
12. Ir. Chen Harn Shean (Civil)
13. Tan Sri Dato' Ir. Prof. Emeritus Dr. Chuah Hean Teik (Electrical)
14. Ir. Prof. Dr. Zainal Abidin Ahmad (Elektronik)
15. First Admiral (Rtd) Dato' Ir. Ahmad Murad bin Omar (Mekanikal)

JPA

16. En. Wan Muzani bin Wan Idris
 - a. Puan Mimi Nazrah binti Majidi (Alternate representative)

MQA

17. En. Abdul Saman bin Taip
18. Encik Mohd Ishak bin Mohd Hussaini (Alternate Representative)

Terma Rujukan:

1. Menggubal dan mengemaskini dasar dan kriteria akreditasi.
2. Meluluskan garis panduan terperinci dan prosedur operasi pengakreditasi.
3. Mengawasi semua urusan operasi, dan melantik ahli-ahli Panel Penilai.
4. Menerima laporan penilaian program- program kejuruteraan dan membuat keputusan sama ada akreditasi patut diberi atau sebaliknya.
5. Mewujudkan dan menyenggara senarai program kejuruteraan tempatan dan luar negara yang diiktiraf.
6. Memberi maklumbalas terhadap sebarang aduan atau rayuan mengenai proses akreditasi dan apa apa cadangan untuk perubahan.
7. Menyelia pembangunan dan operasi akreditasi dan pengiktirafan bersama program dengan negara-negara lain.
8. Memastikan Ahli Lembaga sentiasa dimaklumkan mengenai aktiviti EAC dan jika perlu, membuat cadangan kepada Lembaga.
9. Mengalakkan penyebaran perkembangan dan amalan terbaik dalam pendidikan kejuruteraan.
10. Menasihati Lembaga ke atas pernyataan awam atau representasi yang perlu dibuat berhubung dengan pendidikan kejuruteraan.
11. Mengadakan mesyuarat perundingan dengan IPT bila perlu.
12. Mengadakan mesyuarat sekurang kurangnya enam kali setahun.

OBJEKTIF AKREDITASI

Objektif akreditasi adalah untuk memastikan graduan daripada program kejuruteraan yang diiktiraf memenuhi keperluan akademik minimum untuk pendaftaran sebagai jurutera siswazah dengan LJM.

Di samping itu, ianya juga adalah untuk memastikan bahawa Peningkatan Kualiti Berterusan (CQI) diamalkan oleh IPT. Akreditasi juga boleh berfungsi sebagai alat penanda aras program kejuruteraan yang ditawarkan oleh IPT di Malaysia.

EAD menguruskan proses permohonan untuk kelulusan dan akreditasi program kejuruteraan. Pengakreditasi adalah secara sukarela; walau bagaimanapun program kejuruteraan perlu diiktiraf bagi membolehkan graduan daripada program-program ini berdaftar dengan LJM.

Terms of Reference:

1. *Formulate and update the accreditation policies and criteria.*
2. *Approve detailed guidelines and operating procedures for accreditation.*
3. *Oversee all operational arrangements, and appoint members of the Evaluation Panel.*
4. *Receive evaluation report on engineering programmes, and decide whether accreditation should be granted or otherwise.*
5. *Establish and maintain a list of local and foreign accredited engineering programmes.*
6. *Respond to any complaints or appeals concerning the accreditation process and to any proposals for change.*
7. *Oversee the development and operation of accreditation and mutual recognition of programmes with other countries.*
2016	16	0	16	1	6%			1

Year / Branch Tahun/ Bidang	Number of candidates Bilangan Calon				No. of Candidates Pass PCE Bilangan Calon Lulus PCE				
	New Baru	Re-sit Ulangan	Total Jumlah	New Baru	%	Re-sit Ulangan	%	Total Jumlah	%
CHEMICAL KIMIA									
2021	4	1	5	0	0%	0	0%	0	0%
2019	1	2	3	0	0%	2	100%	2	67%
2018	3	0	3	0	0%			0	0%
2017	1	0	1	1	100%			1	100%
ENVIRONMENTAL ALAM SEKITAR									
2021	1	1	2	0	0%	1	100%	1	50%
2019	0	1	1	0	0%	0	0%	0	0%
2017	1	0	1	0	0%			0	0%
GEOTECHNICAL GEOTEKNIK									
2019	0	1	1	0	0%	0	0%	0	0%
2018	1	0	1	0	0%			0	0%
MINING PERLOMBONGAN									
2021	2	2	4	0	0%	0	0%	0	0%
2019	1	2	3	0	0%	0	0%	0	0%
2018	4	0	4	0	0%			0	0%

PENILAIAN TATA KELAKUAN PROFESIONAL UNTUK JURUTERA DENGAN KELAYAKAN PROFESIONAL DARI LUAR NEGARA

Code of Professional Conduct Assessment for Engineers with Overseas Professional Qualification

Seksyen 10(2)(B) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) menyatakan bahawa seseorang yang “mempunyai kelayakan profesional yang dianggap oleh Lembaga setaraf dengan peperiksaan penilaian profesional yang dijalankan oleh Lembaga” dan “yang telah mematuhi kehendak sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga” boleh mengemukakan permohonan untuk didaftarkan sebagai Jurutera Profesional (PE).

Lembaga Jurutera Malaysia pada 16hb Ogos 2018 telah memutuskan bahawa semua pemohon yang berkelayakan wajib menduduki Penilaian Tata Kelakuan Profesional seperti termaktub di bawah seksyen 10(2)(B) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015).

Pada 1hb Ogos 2021, LJM telah melancarkan permohonan Penilaian Tata Kelakuan Profesional secara atas talian di portal MyBEM di www.engineer.org.my. Pemohon kini boleh menghantar permohonan secara atas talian di laman tersebut.

Sejumlah 134 orang calon telah menduduki Penilaian Tata Kelakuan Profesional sepanjang tahun 2022.

Keputusan Penilaian adalah seperti berikut:

Section 10(2)(B) of the Registration of Engineers Act 1967 (Revised 2015) states that “any person who holds a professional qualification which the Board considers to be equivalent to the professional assessment examination conducted by the Board” and “who has complied with the requirements as determined by the Board” shall be entitled on application to be registered as Professional Engineers (PE).

The Board on 16th August 2018 has decided to impose assessment on ‘Code of Professional Conduct’ for all eligible applicants in accordance to section (10)(2)(B) of the Registration of Engineers Act 1967 (Revised 2015).

BEM on 1st August 2021 has launched online application for Code of Professional Conduct Assessment on MyBEM at www.engineer.org.my. Applicant now may submit online application via MyBEM.

A total of 134 applicants has sat for the assessment on ‘Code of Professional Conduct’ in 2022.

The results for the assessment are as follows:

Perbandingan Keputusan Penilaian Tata Kelakuan Profesional 2020 - 2022 *Comparison of Code of Professional Conduct Assessment 2020 - 2022*

TAHUN <i>Year</i>	LULUS <i>Pass</i>	GAGAL <i>Fail</i>	JUMLAH <i>Total</i>
2020	38	5	43
2021	41	8	49
2022	110	24	134

PEPERIKSAAN PENILAIAN PROFESIONAL (PAE) LALUAN A

PROFESSIONAL ASSESSMENT EXAMINATION ROUTE A (PAE) ROUTE A

Peperiksaan Penilaian Profesional Route A (PAE Route A) mula diperkenalkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) pada tahun 1990 berdasarkan Kajian Semula Profesional Institution of Civil Engineers (ICE), Engineering Council United Kingdom (ECUK). Pada peringkat awal, LJM melantik sendiri panel untuk menjalankan penilaian tersebut. Walau bagaimanapun, pada tahun 2001, LJM telah melantik Institusi Jurutera Malaysia (IEM) sebagai agen untuk mengendalikan PAE dan seterusnya melantik Malaysian Society for Engineering & Technology (MySET) pada tahun 2014.

Jurutera Siswazah yang berdaftar hanya layak menduduki PAE Route A setelah memenuhi keperluan Peraturan 22, Peraturan Pendaftaran Jurutera 1990 (Pindaan 2015) dan memperoleh tiga (3) tahun pengalaman praktikal.

Format PAE

1. Temuduga Penilaian Profesional
2. Dua (2) esei bertulis (jawab satu dari dua soalan setiap Bahagian):
 - i. Bahagian A : Berkaitan pengalaman dan latihan calon
 - ii. Bahagian B : Kod Etika

Calon diberi masa 1½ jam untuk menjawab setiap Bahagian.

PAE Tahun 2022

Pada 1.8.2021, LJM telah melancarkan MyBEM Examination Management System. Pemohon kini boleh menghantar permohonan PAE secara atas talian di portal MyBEM, www.engineer.org.my.

Pemohonan PAE Route A pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 92% berbanding tahun 2021.

Professional Assessment Examination Route A (PAE Route A) was introduced in 1990 by the Board of Engineer of Malaysia (BEM) based on Professional Review of Institution of Civil Engineers (ICE) of Engineering Council United Kingdom (ECUK). Initially BEM appoints its own panel to conduct the assessment. However, in 2001, BEM outsourced the assessment to conduct PAE Route A to The Institution of Engineers, Malaysia (IEM) and subsequently, in 2014, to Malaysian Society for Engineering & Technology (MySET).

A registered Graduate Engineer is only eligible to sit for PAE Route A after he/she has fulfilled the requirements of Regulation 22 of the Registration of Engineers Regulations 1990 (Revised 2015) and has obtained three (3) years of practical experience.

Format of PAE

1. Professional Assessment interview.
2. Two (2) Written Essays (answer one out of two questions per Section):
 - i. Section A : Related to the candidate's training and experience
 - ii. Section B : Code of Ethics

Candidate will be allocated 1½ hours for each Section.

PAE Year 2022

BEM has launched Examination Management System of MyBEM on 1.8.2021. Applicant now may submit online application via MyBEM portal at www.engineer.org.my.

Application of PAE in 2022 has shown an increment of 92%, compared to 2021.

Jadual 1:

Table 1:

Permohonan PAE Route A dikendalikan oleh MySET & IEM dari tahun 2020 - 2022

PAE conducted by MySET & IEM in year 2020 - 2022

TAHUN AGEN	2020	2021	2022
MySET	103	146	278
IEM	107	134	259
JUMLAH	210	280	537

Jadual 2:

Table 2:

Keputusan PAE Route A dari tahun 2020 - 2022

PAE Results for year 2020 – 2022

KEPUTUSAN (Result) TAHUN (Year)	LULUS PASS	GAGAL FAIL
2022	250 (95%)	13 (5%)
2021	108 (90%)	12 (10%)
2020	127 (94%)	9 (6%)
JUMLAH	485 (96%)	21 (4%)

Kadar lulus PAE menunjukkan kenaikan sebanyak 8.3% pada tahun 2022 berbanding tahun 2021.

The passing rate of PAE for year 2022 shown an increment of 8.3% compared to 2021.



PENCAPAIAN
2022
Achievements 2022

Statistik Utama

Main Statistics

Jumlah Pendaftaran Mengikut Kategori sehingga 31.12.2022

Total Registration by Category as at 31.12.2022

Pendaftaran Individu

Registered Persons

Kategori	2021	2022
Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (Professional Engineer with Practising Certificate)	10,645	10,676
Jurutera Profesional * Professional Engineer *	21,670	22,384
Pemeriksa Bertauliah Accredited Checkers	41	42
Jurutera Siswazah Graduate Engineers	162,649	177,334
Teknologis Kejuruteraan Engineering Technologist	11,598	12,995
Pemeriksa Tapak Inspector of Works	8,018	8,708

Nota *: Termasuk Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan

*Note *:* Including Professional Engineer with Practising Certificate.


Syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan

Engineering Consultancy Practices

Kategori	2021	2022
Pertubuhan Perbadanan (Seksyen 7A) Body Corporate	1,679	1,738
Pertubuhan Perbadanan - Amalan Multi Disiplin (seksyen 7B) [Kejuruteraan sahaja] Body Corporate – Multi Disciplinary Practice (section 7B) [Engineering only]	71	74
Perkongsian Partnership	358	359
Pemilik Tunggal Sole Proprietorship	1,804	1,849


BILANGAN JURUTERA SISWAZAH BERDAFTAR MENGIKUT TAHUN (2010-2022)

NUMBER OF REGISTERED GRADUATE ENGINEER BY YEAR (2010-2022)




BILANGAN JURUTERA PROFESIONAL BERDAFTAR MENGIKUT TAHUN (2010-2022)

NUMBER OF REGISTERED PROFESSIONAL ENGINEER BY YEAR (2010-2022)




BILANGAN JURUTERA PROFESIONAL DENGAN PERAKUAN AMALAN BERDAFTAR MENGIKUT TAHUN (2015-2022)

NUMBER OF REGISTERED PROFESSIONAL ENGINEER WITH PRACTISING CERTIFICATE BY YEAR (2015-2022)




BILANGAN TEKNOLOGIS KEJURUTERAAN BERDAFTAR MENGIKUT TAHUN (2015-2022)

NUMBER OF REGISTERED ENGINEERING TECHNOLOGIST BY YEAR (2015-2022)




BILANGAN PEMERIKSA TAPAK BERDAFTAR MENGIKUT TAHUN (2015-2022)

NUMBER OF REGISTERED INSPECTOR OF WORKS BY YEAR (2015-2022)




PERATURAN ORANG BERDAFTAR MENGIKUT JANTINA SEHINGGA 31.12.2022

PERCENTAGE OF REGISTERED PERSON BY GENDER AS AT 31.12.2022




BILANGAN JURUTERA SISWAZAH BERDAFTAR MENGIKUT DISIPLIN SEHINGGA 31.12.2022

NUMBER OF REGISTERED GRADUATE ENGINEER BY DISCIPLINE AS AT 31.12.2022




BILANGAN JURUTERA SISWAZAH BERDAFTAR MENGIKUT DISIPLIN SEHINGGA 31.12.2022

NUMBER OF REGISTERED GRADUATE ENGINEER BY DISCIPLINE AS AT 31.12.2022




**BILANGAN JURUTERA PROFESIONAL DENGAN PERAKUAN AMALAN
BERDAFTAR MENGIKUT DISIPLIN SEHINGGA 31.12.2022**

NUMBER OF REGISTERED PROFESSIONAL ENGINEER WITH PRACTISING AS AT 31.12.2022




**BILANGAN TEKNOLOGIS KEJURUTERAAN
BERDAFTAR MENGIKUT DISIPLIN SEHINGGA 31.12.2022**

NUMBER OF REGISTERED ENGINEERING TECHNOLOGIST BY DISCIPLINE AS AT 31.12.2022






BILANGAN PEMERIKSA TAPAK BERDAFTAR MENGIKUT DISIPLIN SEHINGGA 31.12.2022

NUMBER OF REGISTERED INSPECTOR OF WORKS BY DISCIPLINE AS AT 31.12.2022




Bilangan Orang Berdaftar Mengikut Negeri Sehingga 31.12.2022 Number of Registered Person by States as at 31.12.2022




Bilangan Orang Berdaftar Mengikut Negeri Sehingga 31.12.2022 Number of Registered Person by States as at 31.12.2022

Jurutera Profesional Professional Engineer



Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan Professional Engineer with Practising Certificate



ADUAN (TATA KELAKUAN) TERHADAP ORANG BERDAFTAR YANG DITERIMA DALAM TAHUN 2022

COMPLAINT (CODE OF CONDUCT) AGAINST REGISTERED PERSON RECEIVED IN YEAR 2022

Kes Tatalaku Code of Conduct Cases			
Kes Baru New Cases	Prima Facie		Dalam Proses Under Process
	Tidak No	Ya Yes	
41	21	15	5

Status/Keputusan Penyiasatan Tahun 2022 Status/Decision of Investigating Committee in 2022			Perbicaraan oleh Jawatankuasa Disiplin Tahun 2022 Hearing by Disciplinary Committee in 2022		Rayuan Kepada Lembaga Rayuan Tahun 2022 Appeal to Appeal Board in 2022	
Tiada Kes No Case	Dicadangkan untuk Perbicaraan Recommend for Hearing	Dalam Proses Under Process	Bersalah Guilty	Tidak Bersalah Not Guilty	Dikekalkan Upheld	Ditolak Reject
6	12	1	8	5	0	1

Angka tersebut merangkumi kes yang dibawa ke hadapan dari tahun-tahun sebelumnya dan tidak semestinya termasuk semua kes prima facie yang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Amalan Ikhtisas tetapi tidak disahkan oleh Lembaga pada tahun berakhir.

The figure includes cases brought forward from previous years and may not necessarily include all prima facie cases concluded by Professional Practice Committee before the endorsement by the Board by year end.

PENGIKTIRAFAN PROGRAM KEJURUTERAAN

ACCREDITATION OF ENGINEERING PROGRAMMES

EAC mempunyai sebanyak 271 program kejuruteraan yang aktif pada 31 Disember 2022 seperti yang tertera dalam Jadual 1. Program ini adalah setara dengan semua program kejuruteraan di peringkat WA.

Pada tahun 2022, EAC telah mengadakan penilaian akreditasi di 68 buah IPT, melibatkan sebanyak 116 program kejuruteraan. Semua lawatan akreditasi telah berjalan secara fizikal dan kaedah desktop.

The EAC has a total of 271 active engineering programmes as of December 31, 2022 as shown in Table 1. These programmes have met the equivalent engineering standards at the WA level.

In 2022, EAC has conducted accreditation to 68 IHLs involving 116 engineering programmes. All accreditation visits were conducted physically and in desktop modes.

Jadual 1: Program Kejuruteraan Yang Aktif Pada 31 Disember 2022
Table 1: Active Engineering Programmes As At 31 December 2022

Bil. No.	Universiti Awam/ Public University	Bil. Program No. of Programmes
1.	University Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM - IIUM)	9
2.	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Penang	4
3.	Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam	11
4.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	7
5.	Universiti Malaya (UM)	11
6.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	12
7.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	5
8.	Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP)	19
9.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	6
10.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	8
11.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	4
12.	Univesiti Sains Malaysia (USM, Penang)	11
13.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	1
14.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)	5
15.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	4
16.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	24
17.	Malaysia-Japan Internasional Institute of Technology (MJIIT) –UTM	3
18.	AIMST University	1
19.	Al-Madinah International University (MEDIU)	2
20.	Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU)	5
21.	Curtin University Malaysia	7
22.	Heriot-Watt University Malaysia Campus	5
23.	INTI International University	2
24.	Infrastructure University Kuala Lumpur	3

Bil. No.	Universiti Awam/ Public University	Bil. Program No. of Programmes
25.	UOW Malaysia KDU University College, Utropolis Glenmarie	3
26.	MAHSA University	1
27.	Manipal International University (MIU)	6
28.	Multimedia University (MMU), Cyberjaya	8
29.	Multimedia University (MMU), Melaka	3
30.	Monash University Malaysia	5
31.	NILAI University	2
32.	SEGi University	4
33.	Southern University College	1
34.	Swinburne University of Technology	5
35.	Tunku Abdul Rahman University College (TARC)	5
36.	Taylor's University	3
37.	UCSI University	7
38.	University of Technology Sarawak (UTS)	3
39.	University of Nottingham (UNM)	6
40.	Universiti Selangor (UNISEL)	3
41.	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	5
42.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Sg. Long	9
43.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampar, Perak	4
44.	Universiti Teknologi Petronas (UTP)	6
45.	Universiti Kuala Lumpur - British Malaysian Institute (UNIKL- BMI)	1
46.	Universiti Kuala Lumpur - Malaysian Institute of Chemical and Bio-Engineering Technology- (UNIKL MICET)	1
47.	Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UNIKL MFI)	1
48.	Universiti Kuala Lumpur - Malaysia Spanish Institute (UNIKL MSI)	1
49.	Quest International University (QIU)	1
50.	Limkokwing University of Creative Technology (LUCT)	2
51.	Xiamen University	2
52.	University Malaysia of Computer Science & Engineering (UNIMY)	1
53.	City University	2
54.	First City University College (FCUC)	1
Jumlah Keseluruhan <i>Grand Total</i>		271

PENGIKTIRAFAN PROGRAM TEKNOLOGI KEJURUTERAAN & PROGRAM JURUTEKNIK KEJURUTERAAN

ACCREDITATION OF ENGINEERING TECHNOLOGY PROGRAMMES & ENGINEERING TECHNICIAN PROGRAMMES

ETAC mempunyai sebanyak 74 program ijazah teknologi kejuruteraan dan 242 program diploma kejuruteraan yang aktif pada 31 Disember 2022 seperti yang tertera dalam Jadual 1. Program ini adalah setara dengan semua program kejuruteraan di peringkat SA dan DA.

Pada tahun 2022, ETAC telah mengadakan penilaian akreditasi di 59 buah institusi pengajian tinggi yang melibatkan 37 program ijazah teknologi kejuruteraan dan 114 program diploma kejuruteraan. Semua lawatan akreditasi telah berjalan secara fizikal dan kaedah desktop.

The ETAC has a total of 74 engineering technology degree programmes (2 program has phased out) and 242 engineering diploma programmes as of December 31, 2022 as shown in Table 1. These programmes have met the equivalent engineering standards at the SA and DA level.

In 2022, ETAC has conducted the accreditation assessment to 59 IHLs involving 37 engineering technology degree programmes and 114 engineering diploma programmes. All accreditation visits were conducted physically and in desktop modes.

Jadual 1: Program Kejuruteraan yang Aktif sehingga 31 Disember 2022

Table 1: Active Engineering Programmes as at 31 December 2022

Bil. No.	Institusi Pengajian Tinggi/ Institution of Higher Learning	Bil. Program No. of Programme
1.	Lincoln University College (LUC)	4
2.	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	1
3.	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	1
4.	Politeknik Ungku Omar (PUO)	2
5.	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	2
6.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	10
7.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	14
8.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysia France Institute (UniKL MFI)	7
9.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI)	5
10.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET)	3
11.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Information Technology (UniKL MIIT)	2
12.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC)	3
13.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan British Malaysian Institute (UniKL BMI)	4
14.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysia Italy Design Institute (UniKL MIDI)	6
15.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET)	6
16.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT)	2
Jumlah Besar Grand Total		72

Jadual 2: Program Diploma Kejuruteraan yang Aktif pada 31 Disember 2022*Table 2: Active Engineering Diploma Programmes as at 31 December 2022*

Bil. No.	Institusi Pengajian Tinggi/ Institution of Higher Learning	Bil. Program No. of Programme
1.	Institut Kemahiran Mara (IKM) Bintulu	3
2.	Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru	3
3.	Institut Kemahiran Mara (IKM) seberang Perai Utara	1
4.	Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ)	1
5.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Sri Gading	7
6.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Kemaman	6
7.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Lenggong	2
8.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Balik Pulau	5
9.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Masjid Tanah	4
10.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Pasir Mas	5
11.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Kuantan	5
12.	Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) Ledang	5
13.	MARA-Japan Industrial Institute (MJII)	5
14.	Politeknik Banting Selangor (PBS)	3
15.	Politeknik Kota Kinabalu (PKK)	7
16.	Politeknik Kuala Terengganu (PKT)	2
17.	Politeknik Muadzam Shah (PMS)	4
18.	Politeknik Port Dickson (PPD)	10
19.	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)	7
20.	Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS)	9
21.	Politeknik Ungku Omar (PUO)	8
22.	Politeknik Melaka (PMK)	3
23.	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)	8
24.	Politeknik Seberang Perai (PSP)	7
25.	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)	9
26.	Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS)	4
27.	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS)	4
28.	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA)	8
29.	Politeknik Kota Bharu (PKB)	8
30.	Politeknik Merlimau (PMM)	7
31.	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS)	6
32.	Politeknik Mukah (PMU)	4
33.	Politeknik Kuching Sarawak (PKS)	9
34.	Politeknik Ibrahim Sultan (PIS)	7
35.	Politeknik Nilai (PNS)	1
36.	Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail (PTSN)	3
37.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	4
38.	City University (City U)	1

Bil. No.	Institusi Pengajian Tinggi/ <i>Institution of Higher Learning</i>	Bil. Program <i>No. of Programme</i>
39.	Disted College	1
40.	German-Malaysian Institute (GMI)	5
41.	INTI International College Penang (IICP)	2
42.	INTI International College Subang (IICS)	1
43.	INTI International University (INTI IU)	2
44.	MAHSA University	3
45.	Manipal International University (MIU)	2
46.	Multimedia University (MMU) Malacca	1
47.	Quest International University (QIU)	1
48.	Southern University College (SUC)	1
49.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	1
50.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	4
51.	Global Institute of Studies (GIS)	1
52.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan British Malaysian Institute (UniKL BMI)	2
53.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysia France Institute (UniKL MFI)	3
54.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET)	1
55.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET)	4
56.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC)	1
57.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI)	3
58.	Universiti Kuala Lumpur Kampus Cawangan Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL MIAT)	1
59.	Universiti Tenaga Nasional	2
60.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pasir Gudang	1
61.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Permatang Pauh	1
62.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Jengka	1
63.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Samarahan 2	1
64.	UOW Malaysia KDU University College (UOWKDU)	1
Jumlah Besar <i>Grand Total</i>		242



**PERISTIWA
PENTING 2022**
Highlights of 2022

PERISTIWA PENTING 2022

HIGHLIGHTS OF 2022

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN LJM DENGAN JKR SABAH
SEBAGAI PEJABAT SEKRETARIAT LJM DI SABAH**
MOU BEM WITH JKR SABAH AS BEM SECRETARIAT OFFICE IN SABAH

14.3.2022



Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah pada 14 Mac 2022, untuk menubuhkan Pejabat Setiausaha LJM di Sabah bagi menyediakan sokongan pentadbiran dan kemudahan kepada LJM dalam usaha menjalankan fungsi-fungsinya di Sabah seperti urusan pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran, penyiasatan dan perbicaraan kes disiplin, kursus pembangunan profesional berterusan atau CPD, program CSR dan lain-lain lagi dengan lebih lancar dan berkesan.

LJM diwakili oleh Presidennya, YBhg. Datuk Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman manakala JKR Sabah diwakili oleh Pengarahnya, Datuk Ir. Ali Ahmad bin Hamid. Upacara ini disaksikan oleh Ahli-ahli Lembaga dan ex-officio LJM serta pengurusan atasan JKR Sabah.

The Board of Engineers Malaysia (BEM) have signed a Memorandum of Understanding (MoU) with Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah on 14th March 2022 to set up a BEM Secretariat Office in Sabah to provide administrative support and facilities for BEM to carry out its functions in Sabah such as registration and renewal of registration, investigation and hearing of disciplinary cases, CPD courses and CSR programmes among others more smoothly and effectively.

BEM was represented by its President, YBhg. Datuk Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman while JKR Sabah by its Director, Datuk Ir. Ali Ahmad bin Hamid. The ceremony was witnessed by the Board Members and ex-officio of BEM and the top management of JKR Sabah.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN LJM DENGAN JKR SARAWAK SEBAGAI PEJABAT SEKRETARIAT LJM DI SARAWAK

18.4.2022

MOU BEM WITH JKR SARAWAK AS BEM SECRETARIAT OFFICE IN SARAWAK



18 April 2022 merupakan satu tarikh penting apabila LJM berjaya memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) dengan JKR Sarawak bagi membuka pejabat Sekretariat LJM di premis JKR Sarawak. Sepertimana JKR Sabah, tujuan penubuhan Pejabat Sekretariat BEM di JKR Sarawak adalah untuk memberi sokongan dan kemudahan pentadbiran bagi BEM menjalankan fungsinya di Sarawak dengan lebih lancar dan berkesan.

On April 18, 2022, a significant milestone was achieved as the BEM entered into a Memorandum of Understanding (MOU) with JKR Sarawak in setting up, BEM Secretariat Office at JKR Sarawak's premise. Similar with JKR Sabah, the purpose of setting up BEM Secretariat Office in JKR Sarawak is to provide administrative support and facilities for BEM to carry out its functions in Sarawak more smoothly and effectively.



Dua webinar mengenai Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah berjaya dijalankan pada 5.4.2022 dan 10.4.2022 sebelum pelaksanaan penuh Sistem Pengemukakan CCC dalam Talian bermula pada 16.5.2022.

Sistem CCC Dalam Talian membenarkan hanya Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan yang bekerja dengan syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan sahaja dapat mengeluarkan CCC dan menyerahkan borang sokongan CCC. Ianya secara automatik akan menghalang penipuan atau PEPC daripada disiplin yang berbeza daripada mengeluarkan CCC atau menandatangani Borang CCC.

Two webinars on Certificate of Completion and Compliance (CCC) were successfully conducted on 5.4.2022 and 10.4.2022 before full implementation of CCC Online Submission System starting from 16.5.2022.

With the automation afforded by the CCC Online System, the system will only let pre-checked qualified Professional Engineers with Practising Certificate working under Engineering Consultancy Practices to issue CCCs and submit the CCC supporting forms. This will automatically bar any fraudulent PEPC or PEPC of the wrong discipline from issuing CCC or signing on the supporting Forms.



Pada 19 Mei 2022, satu sesi perkongsian yang memperkayakan ilmu telah diadakan bersama Cik Irdina Shahrman, seorang pelajar cemerlang dan penerima pingat Phi Kappa Phi dari Virginia Tech di Amerika Syarikat. Sesi ini memberikan peluang unik kepada ahli yang hadir untuk berkongsi pandangan hasil daripada perjalanan dan pencapaian akademiknya yang luar biasa. Beliau berkongsi pandangan berharga tentang kecemerlangan akademik, kepimpinan, dan usaha dalam mengejar minat peribadi. Pengalaman dan pencapaiannya boleh menjadi sumber inspirasi kepada jurutera muda dan siswa-siswi kejuruteraan.



On May 19, 2022, an enriching sharing session was held featuring Ms. Irdina, an outstanding student and Recipient of Phi Kappa Phi Medallion from Virginia Tech in the United States. The session provided a unique opportunity for members to glean insights from her remarkable academic journey and achievements. She shared valuable perspectives on academic excellence, leadership, and the pursuit of one's passions. Her experience and achievements can be a source of inspiration for young engineers and engineering students.



Dato' Ir. Dr. Che Hassandi bin Abdullah dan Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah menyampaikan taklimat masing-masing serta menjawab persoalan berkenaan CPD.



Dato' Ir. Dr. Che Hassandi bin Abdullah dan Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah delivered their talks and provided clarification explanations regarding CPD.



Pada 30 Mei 2022, satu lawatan teknikal penting telah berlangsung di Fakulti Kejuruteraan, KD Pelandok yang terletak di dalam Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Lumut, Perak. Lawatan ini adalah penting bagi penilaian kesetaraan untuk program Juruteknik Marin TLDM, yang dikenali sebagai Kursus Penyelia Kanan TMK (Teknisyen Marin Kuasa Gerak). Penilaian ini yang dijalankan oleh Fakulti Kejuruteraan, KD Pelandok, bertujuan untuk mendapatkan pengiktirafan daripada LJM.

Delegasi LJM ke Fakulti Kejuruteraan KD Pelandok diketuai oleh Laksamana Pertama (Bersara) Dato' Ir. Haji Ahmad Murad bin Haji Omar, Ahli Lembaga BEM. Turut serta adalah Pengerusi Jawantakuasa Kerja Kajian Kesetaraan TLDM, Ir. Prof Dr Abd. Rahim bin Abu Talib, dan ahli Jawatankuasa Kerja iaitu Dato' Emeritus Prof Ir. Dr Hassan bin Basri, Dato' Ir. Dr Che Hassandi bin Abdullah, Prof. Madya Dr. Md Redzuan bin Zoolfakar, dan Ir. Liew Chee Leong. Dalam lawatan tersebut, satu perjumpaan hormat telah diadakan bersama Panglima Pendidikan dan Latihan Tentera Laut, Yang Berhormat Laksamana Muda Dato Anuar bin Mohamed.



On May 30, 2022, a crucial technical visit took place at the Faculty of Engineering, KD Pelandok, located within the Royal Malaysian Navy (RMN) Base in Lumut, Perak. This visit was integral to the equivalency assessment for the RMN Marine Technician program, known as Kursus Penyelia Kanan TMK (Teknisyen Marin Kuasa Gerak). The assessment, conducted by the Faculty of Engineering, KD Pelandok, aimed to secure recognition from the BEM.

The BEM delegation's visit to the Faculty of Engineering, KD Pelandok, was led by First Admiral (Retired) Dato' Ir. Haji Ahmad Murad bin Haji Omar, BEM Board Member. The delegation included the Working Group on RMN Equivalency Study chair, Ir. Prof. Dr. Abd. Rahim bin Abu Talib, and group members Dato' Emeritus Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri, Dato' Ir. Dr. Che Hassandi bin Abdullah, Assoc. Prof. Dr. Md Redzuan bin Zoolfakar, and Ir. Liew Chee Leong. During the visit, a courtesy meeting was held with the Commander of Naval Education and Training, The Honourable Rear Admiral Dato Anuar bin Mohamed.



Arrival of WG Delegation



Photo Session with Delegation



Welcoming Briefing by Head of Engineering Faculty, Kdr Ir. Ts. Ng Keng Lip RMN



Short Discussion with Top Management of Engineering Faculty, KD Pelandok



Visit to Manufacturing Machine Workshops



Visit to Marine Engine Simulator Building



Visit to Marine Engine Simulator Building



Visit to Computer Based Training Lab



Visit to Medium Speed Engine Console Simulator Lab



Discussion on Engine Console Simulator



Visit to Shipwright Workshop



Discussion on syllabus and module of RMN Technician Marine

MESYUARAT PERIKATAN KEJURUTERAAN ANTARABANGSA

22 Jun – 8 Julai 2022

Persidangan Dalam Talian

Mesyuarat Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa (IEA) menjadi penampung kepada 4 Perjanjian dan 3 Persefahaman sebagaimana berikut:

- Perjanjian Jurutera APEC
- Perjanjian Jurutera Professional Antarabangsa
- Perjanjian Teknologis Kejuruteraan Antarabangsa
- Perjanjian Juruteknik Kejuruteraan Antarabangsa
- Permuafakatan Washington
- Permuafakatan Sydney
- Permuafakatan Dublin

Malaysia telah melibatkan diri dalam Mesyuarat Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa sejak tahun 1999 dengan menandatangani Perjanjian Jurutera Professional Antarabangsa pada tahun tersebut, Jurutera APEC pada tahun 2000 dan Permuafakatan Washington (Washington Accord) pada 2009.

Mesyuarat Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa 2022 telah diadakan melalui persidangan video atas talian dari 22 Jun hingga 8 Julai 2022. Dalam mesyuarat kali ini Malaysia telah menghantar lapan (8) orang wakil termasuk seorang daripada IEM untuk menghadiri mesyuarat tersebut.

Sebagai Penandatanganan Penuh, Malaysia telah menyertai semua mesyuarat-mesyuarat berkaitan iaitu Mesyuarat Permuafakatan Washington, Permuafakatan Sydney dan Permuafakatan Dublin.

INTERNATIONAL ENGINEERING ALLIANCE MEETING

22 June – 8 July 2022

Online Video Conference

Under the auspices of International Engineering Alliance (IEA) Meeting there are 4 Agreements and 3 Accords as follows:

- *APEC Engineer Agreement*
- *International Professional Engineer Agreement*
- *International Engineering Technologist Agreement (IETA)*
- *Agreement for International Engineering technicians (AIET)*
- *Washington Accord*
- *Sydney Accord*
- *Dublin Accord*

Malaysia has been involved in the International Engineering Alliance Meeting since 1999 by signing the International Professional Engineer Agreement, APEC Engineer Agreement in year 2000 and be a signatory of Washington Accords in the year 2009.

IEA Meeting 2022 was held through online video conferencing from 22 June until 8 July 2022. In this meeting, Malaysia sent 8 representatives including a representative from Institution of Engineers Malaysia (IEM) to the meeting.

As full signatory, Malaysia has participated in Washington Accord, Sydney Accord and Dublin Accord Meetings.

Untuk rekod, Permuafakatan Washington adalah perjanjian antarabangsa antara badan-badan yang bertanggungjawab untuk menilai program akademik Kejuruteraan, Permuafakatan Sydney adalah perjanjian antarabangsa antara badan-badan yang bertanggungjawab untuk menilai program akademik teknologi kejuruteraan dan Permuafakatan Dublin pula adalah Perjanjian Antarabangsa yang mewujudkan dasar pendidikan yang dikehendaki untuk Juruteknik Kejuruteraan.

Mesyuarat IEA tahun hadapan (2023) dijadualkan berlangsung di Taichung, Taiwan pada 11 – 16 Jun 2023

For the record, Washington Accord is an international agreement between bodies responsible for accrediting engineering academic programmes, Sydney Accord is an international agreement between bodies responsible for accrediting engineering technology academic programmes and Dublin Accord is an international agreement establishing the required educational base for engineering technicians.

The next IEAM 2023 will be held in Taichung, Taiwan on 11 – 16 June 2023.



Delegasi Malaysia menghadiri Mesyuarat IEA secara maya dari lokasi Putrajaya.
Malaysian delegates attending IEAM 2022 Virtual Meeting from Putrajaya.

Pada 23 Jun 2022, satu dialog mengenai Komunikasi Media yang Efektif telah berlangsung di Pusat Latihan Akreditasi Kejuruteraan di Kelana Jaya. Acara ini membincangkan dan berkongsi pandangan mengenai amalan terbaik bagi komunikasi media yang berkesan dalam dunia yang dinamik pada masa kini.

Dialog ini meneroka landskap media yang berubah, termasuk platform digital, media sosial, dan saluran tradisional. Peserta mendapat pandangan berharga tentang strategi untuk menyusun mesej yang menarik, membina kepercayaan dengan audiens, dan mengendalikan cabaran landskap media moden.

On June 23, 2022, a highly informative dialogue on Effective Media Communication took place at Engineering Accreditation Training Centre, Kelana Jaya. This event discussed and shared insights on the best practices for effective media communication in today's dynamic world.

The dialogue explored the evolving landscape of media, including digital platforms, social media, and traditional channels. Participants gained valuable perspectives on strategies for crafting compelling messages, building trust with audiences, and navigating the challenges of the modern media landscape.



Talklimat oleh Puan Nur Hanim daripada RTM
Breifing by Puan Nur Hanim from RTM



Pandangan daripada Pendaftar LJM
BEM Registrar expressing his views



Peserta daripada pelbagai Pemegang Taruh Semasa
Sesi Pembukaan
Participants from various stakeholders during Opening Session



Salah satu daripada kumpulan pemegang taruh
One of the Focus Groups in session



PEMBUKAAN PEJABAT SEKRETARIAT LJM SARAWAK - 30 JULAI 2022 (SARAWAK)

Sesuai dengan usianya, LJM telah melalui banyak fasa perubahan, penambahbaikan dan peneguhan di sepanjang 50 tahun kewujudannya. Dengan penubuhan Pejabat Sekretariat LJM di Wilayah Sarawak, LJM buat julung kalinya melebarkan sayap dengan meluaskan perkhidmatan fizikalnya ke Sarawak. Untuk rekod, sehingga 29 Julai 2022, LJM hanya beroperasi daripada pejabatnya di Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur.

YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah merasmikan pejabat Sekretariat LJM di Sarawak. Turut hadir adalah Yang Dipertua LJM, Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman dan Pengarah Jabatan Kerja Raya Sarawak, Ir. Richard Anak Tajan.

OFFICIAL OPENING OF BEM SARAWAK SECRETARIAT OFFICE – 30th JULY 2022 (SARAWAK)

In accordance with its age, BEM has undergone various phases of transformation, improvements, and consolidation over its 50 years of existence. With the establishment of the BEM Secretariat Office in the Sarawak region, BEM, for the first time, has expanded its reach by extending its physical services to Sarawak. For the record, until 29.7.2022, BEM operated solely from its office in the Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur.

YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof officiated the BEM Secretariat Office in Sarawak. Present at the ceremony were the BEM President, Dato' Seri Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, and the Director of the Public Works Sarawak, Ir. Richard Anak Tajan.



Perasmian oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof disaksikan oleh YBhg. Datuk Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, Presiden BEM & Ir. Richard Anak Tajan, Pengarah JKR Sarawak



Official Opening by YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof witnessed by YBhg. Datuk Ir. Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman, President of BEM & Ir. Richard Anak Tajan, Director of JKR Sarawak

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 LJM

LJM telah memulakan sambutan ulang tahun ke-50nya yang bermula pada Julai 2022 dengan pelbagai aktiviti yang disusun bagi memperingati penubuhannya sejak 1972. Apa yang bermula dengan 72 orang yang berdaftar pada tahun 1972 telah meningkat kepada 221,999 pada Julai 2022 menjadikannya badan pengawal selia profesional terbesar di negara ini.

LJM telah memilih tema “Melangkaui Garis Separuh Abad” sebagai tema Buku Peringatan Ulang Tahun ke-50 LJM untuk mencerminkan usaha masa lalunya dalam meningkatkan standard dan penjenamaan profesion kejuruteraan yang telah mendapat tempatnya di arena antarabangsa profesional kejuruteraan seperti International Engineering Alliance.

LJM juga telah menjadikan pendidikan kejuruteraan sebagai seruan ralnya, dan mengambil langkah penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan kejuruteraan Malaysia melalui usaha akreditasinya dengan menjadi penandatangan Washington, Sydney dan Dublin. Ini telah membantu pertumbuhan Malaysia sebagai hab permuafakatan pendidikan kejuruteraan di rantau Asia Pasifik dan lain-lainnya.

Juga tepat pada masanya LJM telah menetapkan matlamatnya untuk merancang ‘Pelan Strategik LJM 2021-2025’ untuk meninjau semula visinya sebagai ‘badan berwibawa yang bertaraf antarabangsa yang mengawal selia amalan kejuruteraan di Malaysia’. Strategi ini digariskan oleh usaha untuk kecemerlangan dan kecekapan kejuruteraan di kalangan orang yang berdaftar.

BEM 50th ANNIVERSARY CELEBRATION

BEM began the celebration of its 50th Anniversary starting July 2022 with a hive of activities lined up to commemorate its founding since 1972. What started with 72 registered persons in 1972 had swelled to 221,999 by July 2022 making it the biggest professional regulating body of the nation.

BEM has chosen the theme of ‘Crossing the Half Century Line’ as the theme of the BEM 50th Anniversary Commemorative Book to reflect on its past effort in uplifting the standard and branding of the engineering profession that has earned its place among the international arena of engineering professional such as International Engineering Alliance.

BEM has also made engineering education its rallying call, and taken important strides to lift the quality of Malaysian engineering education through accreditation effort to become the signatory of Washington, Sydney and Dublin Accords. This had helped Malaysian growth as the regional hub of engineering education in the Asia Pacific region and beyond.

It is also timely that BEM had set its sight to map out its ‘BEM Strategic Plan 2021-2025’ to revisit its vision as ‘an authoritative body of international standing that regulates the engineering practices in Malaysia’. The strategy is underscored by the drive for engineering excellence and competence among its registered persons.

MAJLIS MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-50 LJM – 20 Ogos 2022

Majlis Makan Malam Sempena Ulang Tahun ke-50 LJM telah diadakan pada 20 Ogos 2022 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 600 orang tetamu. Sambutan yang diterima amat menggalakkan. Tetamu Kehormat Majlis tersebut ialah Perdana Menteri, YB Dato’ Seri Ismail Sabri bin Yaakob dengan kehadiran Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

BEM 50th ANNIVERSARY DINNER 20TH August 2022

The BEM 50th Anniversary Dinner was held on 20th August 2022 in Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur with 600 attendees. The response was overwhelming. The Guest of Honour was the Prime Minister, YB Dato’ Seri Ismail Sabri bin Yaakob with the presence of Senior Minister of Works, YB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Presiden LJM, Dato' Seri Ir Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman dalam ucapan alu-aluan beliau telah melahirkan rasa terima kasih kepada sumbangan ahli lembaga dan pengurusan LJM yang terdahulu dan sekarang dalam membina LJM daripada entiti kecil kepada badan yang kini berdaftar dengan lebih 220,000 orang yang berdaftar. LJM adalah sebahagian daripada International Engineering Alliance dan merupakan penandatangan Washington Accord, Sydney Accord dan Dublin Accord.

Perdana Menteri dalam ucapannya menyentuh secara khusus tentang nasib 'Jurutera Miskin' yang menjadi topik hangat di media baru-baru ini. LJM sebenarnya telah membentangkan hasil kajiannya di laman webnya selepas satu kaji selidik terperinci dijalankan untuk menangani ganjaran profesion kejuruteraan dengan mengambil kira sumbangan mereka yang ketara kepada pertumbuhan negara. Perdana Menteri juga menyatakan penghargaan terhadap inisiatif LJM dalam mewujudkan Sistem Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) sebagai proses terakhir pembangunan hartanah. Ini adalah satu langkah besar ke hadapan dalam pengawalan diri pembangunan hartanah yang akan meningkatkan skor negara dalam kemudahan melakukan perniagaan di bawah ranking Bank Dunia.

Buku Peringatan Ulang Tahun ke-50 LJM dilancarkan oleh Perdana Menteri diikuti dengan penyampaian Anugerah Tokoh Kejuruteraan Malaysia LJM dan Anugerah Tokoh Muda Kejuruteraan Malaysia LJM.

Ini diikuti dengan penyampaian Anugerah LJM-ECP Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Cemerlang (BESHEXA).

BEM President, Dato' Seri Ir Haji Mohamad Zulkefly bin Sulaiman in his welcoming speech expressed his gratitude to the contribution of BEM past and present board members and management in building up BEM from a small entity to the present body registering over 220,000 registered persons. BEM is part of the International Engineering Alliance and a signatory to the Washington Accord, Sydney Accord and Dublin Accord.

The Prime Minister in his speech touched specifically on the plight of 'Jurutera Miskin' which was a hot topic in the recent media. BEM had in fact presented its findings in its website after a detailed survey was conducted to address the engineering profession's remuneration taking cognizance of their significant contribution to the nation's growth. The Prime Minister also expressed his appreciation on BEM's initiative in creating the online submission of Certificate of Completion and Compliance (CCC) as the final process of property development. This is a big step forward on the self-regulation of property development which will improve the nation's score of ease of doing business under the World Bank ranking.

The BEM 50th Anniversary Commemorative Book was launched by PM followed by the presentation of award for Anugerah Tokoh Kejuruteraan Malaysia BEM and Anugerah Tokoh Muda Kejuruteraan Malaysia BEM.

This was followed with the presentation of the BEM-ECP Safety, Health and Environment Excellence Award (BESHEXA).





YAB Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia merasmikan sambutan ulangtahun ke-50 LJM

YAB Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Prime Minister of Malaysia officiating BEM 50th Anniversary Celebration.



Yang Dipertua LJM menyampaikan ucapan alu-aluannya.

BEM President delivering his Opening Address



Majlis Pelancaran Buku "Crossing the Half Century Line" sebuah penerbitan sempena Ulang Tahun ke-50 LJM

Launching Ceremony of Crossing the Half Century Line Book, a publication to commemorate the 50th Anniversary of BEM



Sebuah cenderahati kecil buat Tetamu Istimewa

A small souvenir to the Guest of Honour





ANUGERAH TOKOH KEJURUTERAAN MALAYSIA LJM, TOKOH MUDA KEJURUTERAAN MALAYSIA BEM DAN ANUGERAH KECEMERLANGAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR (BESHEXA) 2022 - 20 OGOS 2022

Buat pertama kali dalam sejarah, bagi mengiktiraf Jurutera Malaysia yang telah memberikan sumbangan besar kepada frateniti kejuruteraan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, LJM telah memperkenalkan tiga (3) anugerah berprestij; dua (2) kategori individu dan satu (1) kategori syarikat amalan perunding kejuruteraan iaitu:

- (i) Anugerah Tokoh Kejuruteraan Malaysia LJM
- (ii) Anugerah Tokoh Muda Kejuruteraan Malaysia LJM
- (iii) Anugerah Kecemerlangan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (BESHEXA)

BEM MALAYSIA MOST PROMINENT ENGINEERING LEADER AWARD, MOST PROMINENT YOUNG ENGINEERING LEADER AWARD & BEM-ECP SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT EXCELLENCE AWARD (BESHEXA) AWARD 2022 20TH AUGUST 2022

For the first time in history, to recognize Malaysian Engineers who have made significant contributions to the engineering fraternity at the national and international levels, the BEM has introduced three prestigious awards; two individual categories and one for engineering consultancy practice company category, namely:

- (i) BEM Malaysia Most Prominent Engineering Leader Award
- (ii) BEM Malaysia Most Prominent Young Engineering Leader Award
- (iii) BEM - ECP Safety, Health and Environment Excellence Award (BESHEXA)

Anugerah Tokoh Kejuruteraan Malaysia LJM & Anugerah Tokoh Muda Kejuruteraan Malaysia LJM

Anugerah terulung ini adalah untuk mengiktiraf rakyat Malaysia yang terkemuka yang menjadi contoh kepada profesion kejuruteraan, orang yang berintegriti tinggi, kepimpinan yang luar biasa, berjasa dan mempamerkan impak yang bermanfaat kepada masyarakat dan merupakan tokoh ikonik dalam industri kejuruteraan. Penerima anugerah adalah orang terbilang dan terkemuka serta menjadi teladan dalam profesion kejuruteraan yang memberi impak besar kepada pembinaan negara dan masyarakat. Para penerima telah menunjukkan kreativiti, inovasi dan kepintaran dalam peranan, tanggungjawab dan fungsi mereka.

Penerima anugerah masing-masing menerima Duit Syiling Emas bernilai RM10,000.00 dan RM5,000.00 untuk Tokoh Kejuruteraan Malaysia LJM.

Anugerah Kecemerlangan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar LJM-ECP (BESHEXA)

Anugerah Kecemerlangan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar LJM-ECP (BESHEXA) yang julung kali diperkenalkan pada tahun 2022, akan menjadi anugerah dwi-tahunan yang dianugerahkan kepada syarikat Amalan Perunding Kejuruteraan (ECP) di Malaysia. Anugerah ini bagi mengiktiraf syarikat ECP yang secara proaktif mengamalkan dan cemerlang dalam prestasi amalan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHE) di tempat kerja mereka selaras dengan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan - ISO 45001: 2018 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar - ISO 14001: 2015.

Anugerah utama ini disampaikan oleh Perdana Menteri semasa Majlis Makan Malam Jubli Emas LJM di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 20 Ogos 2022 kepada pemenang berikut:

Anugerah Tokoh Kejuruteraan Malaysia LJM 2022:

YBhg. Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Tajuddin bin Ali

Anugerah Tokoh Muda Kejuruteraan Malaysia LJM 2022:

Prof. Madya Ir. Dr. Lai Khin Wee

Anugerah BESHEXA 2022:

**Pemenang: PY Konsep Perunding Sdn Bhd
Sebutan Khas: SMHB Sdn Bhd. & DAR Energy Sdn Bhd**

BEM Malaysia Most Prominent Engineering Leader & BEM Malaysia Most Prominent Young Engineering Leader Awards

- h) menyediakan kemudahan untuk menggalakkan pembelajaran dan pendidikan dan untuk mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional, bagi orang yang berdaftar untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam perkembangan terkini berkaitan dengan profesion.
- i) melantik sesuatu jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang akan ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia:
 - untuk menjalankan peperiksaan penilaian profesional untuk tujuan kemasukan sebagai jurutera profesional; atau
 - untuk menjalankan peperiksaan kompetensi profesional untuk tujuan pengeluaran sijil amalan kepada jurutera profesional.
- j) melantik mana-mana orang untuk mewakili Lembaga Jurutera Malaysia dalam mana-mana jawatankuasa, panel atau institusi, di mana orang yang kemudiannya akan membuat cadangan kepada Lembaga Jurutera Malaysia tentang semua perkara mengenai kelayakan untuk kemasukan ke profesion.
- k) melantik sebuah badan seperti Majlis Akreditasi yang terdiri daripada ahli-ahli dari Lembaga Jurutera Malaysia, jurutera profesional dan orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia untuk menasihati kerajaan dan orang awam mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pendidikan kejuruteraan, termasuk pensijilan program tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. MAKLUMAT AM (SAMBUNGAN)

- l) menyebabkan peperiksaan yang akan dikendalikan oleh sesebuah institusi yang diiktiraf oleh Lembaga bagi tujuan kemasukan ke dalam profesion.
- m) menentukan dan mengawal kelakuan dan etika profesion kejuruteraan.
- n) semua pendapatan hasil daripada Akta ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan pendaftaran Akta ini, perbelanjaan pentadbiran Akta ini, penyediaan biasiswa berkaitan kejuruteraan, perbelanjaan promosi pembelajaran serta pendidikan berkaitan kejuruteraan dan termasuk apa-apa perbelanjaan Lembaga yang boleh dibenarkan di bawah mana-mana peraturan dibuat di bawah Akta ini.

Pada tahun 2000, Lembaga Jurutera Malaysia telah menubuhkan Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) selaras dengan Seksyen 4(1)(ef) Akta 138 atau perkara 1.k untuk menjalankan fungsi pengakreditasi ijazah kejuruteraan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia. EAC terdiri daripada wakil-wakil Lembaga Jurutera Malaysia, Institusi Jurutera Malaysia (IEM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)-dahulu dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). EAC memastikan bahawa melalui proses akreditasi, kualiti graduan tempatan dapat dipertingkatkan setanding dengan negara-negara penandatangan Washington Accord di bawah *International Engineering Alliance* (IEA) seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Japan, Australia dan Korea. Program yang diiktiraf ini diletakkan di dalam Daftar EAC dan MQA.

Dengan pindaan kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 pada tahun 2015, Lembaga Jurutera Malaysia telah menubuhkan ETAC dengan Ahli Jawatankuasa seramai 21 ahli majlis yang terdiri daripada tujuh kumpulan (wakil Lembaga Jurutera Malaysia, persatuan berasaskan pendidikan, industri/majikan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian dan wakil awam) sebagai satu-satunya badan akreditasi yang diiktiraf untuk program ijazah teknologi kejuruteraan, diploma kejuruteraan dan diploma teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia.

Pejabat berdaftar Lembaga Jurutera Malaysia adalah di Tingkat 11 dan 17 Blok F, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur, Malaysia. Pejabat berdaftar EAC dan ETAC pula adalah di Tingkat 9, Kelana Park View Tower, No. 1, Jalan SS 6/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 ini telah diluluskan oleh Ahli Lembaga pada 20 Mac 2023.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut Akta 138 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

Akaun-akaun ini telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

2.2 Hartanah, Loji, Peralatan dan Susut Nilai

Pengendalian aset bersih yang digunakan untuk jangka masa yang lebih lama dalam pengeluaran perkhidmatan untuk tujuan pentadbiran diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.2 Hartanah, Loji, Peralatan dan Susut Nilai (Sambungan)

Semua hartanah, loji dan peralatan adalah pada mulanya diukur pada kos. Bagi aset yang telah dibeli, kos terdiri daripada harga belian dan ditambah dengan semua kos yang berkaitan dengan harga yang ditanggung untuk membawa aset ke lokasi dan keadaan semasa untuk tujuan penggunaan pihak pengurusan.

Semua hartanah, loji dan peralatan kemudiannya diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai dengan memperuntukkan jumlah yang boleh disusut nilai komponen penting atau sesuatu item sepanjang baki hayat berguna. Kaedah susut nilai yang digunakan dan hayat kegunaan kelas hartanah, loji dan peralatan adalah:

Aset bukan semasa	Kaedah	Jangka hayat
Bangunan milik bebas	Garis lurus	50 tahun
Peralatan pejabat	Garis lurus	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	Garis lurus	10 tahun
Peralatan komputer	Garis lurus	3 tahun
Pengubahsuaian	Garis lurus	10 tahun
Kenderaan bermotor	Garis lurus	5 tahun

2.3 Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan.

Aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Pelunasan aset tak ketara adalah berdasarkan jangka hayat 3 tahun. Aset tak ketara dinyatakan pada nilai kos dan tidak dilunaskan sehingga aset berkenaan bermula untuk digunakan.

2.4 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah merujuk kepada kerja-kerja modal yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos-kos bagi kerja ini akan dipermodalkan apabila ia telah selesai sepenuhnya. Susut nilai tidak dikenakan ke atas kerja-kerja dalam kemajuan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2.5 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

i) Aset penjana tunai

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Lembaga mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaunkan kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa, wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Peningkatan nilai merujuk kepada amaun peningkatan yang boleh diperolehi semula sekiranya aset dicairkan, ianya dilayan sebagai penerbalikan kemerosotan nilai sebelum ini. Faktor kemerosotan, pelunasan dan susut nilai akan diselaraskan kepada nilai bawaan aset berkenaan sebelum peningkatan nilai diiktiraf. Peningkatan amaun diiktiraf sebagai penerbalikan kemerosotan nilai dalam Penyata Prestasi Kewangan.

ii) Aset penjana bukan tunai

Lembaga akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjana bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Lembaga akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Lembaga telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Lembaga menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.5 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

ii) Aset penajaan bukan tunai (Sambungan)

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Lembaga menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf.

Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Lembaga membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset.

Lembaga hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Lembaga telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.6 Aset Kewangan (Sambungan)

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima adalah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.7 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Lembaga akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
- ii) pembayaran tertunggak
- iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan dengan serta merta.

2.8 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai terdiri daripada tunai dan baki di bank sementara kesetaraan tunai adalah terdiri daripada simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

2.9 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman belum bayar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.9 Liabiliti Kewangan (Sambungan)

Lembaga hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan belum bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10 Peruntukan

Peruntukan merujuk kepada obligasi perundangan atau komitmen konstruktif berpunca daripada peristiwa lampau yang ada kecenderungan berlakunya aliran keluar sumber ekonomi atau potensi perkhidmatan untuk melunaskan obligasi tersebut. Anggaran jumlah aliran keluar tersebut mestilah boleh dibuat dengan objektif.

Bagi obligasi atau komitmen yang diperuntukkan pembayaran balik (diinsurankan), pembayaran balik tersebut akan diiktiraf sebagai aset yang berasingan dengan syarat pembayaran balik tersebut benar-benar dapat dipastikan.

Peruntukan-peruntukan ini akan dikaji semula pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.11 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dari urusanniaga pertukaran

Hasil daripada urusanniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

(a) Yuran

Yuran pendaftaran, pemprosesan, tahunan, pendaftaran semula dan akreditasi direkod pada masa ianya diterima dan diiktiraf atas dasar terakru.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Pengiktirafan pendapatan (Sambungan)

Pendapatan dari urusanniaga pertukaran (Sambungan)

(b) Pendapatan faedah

Faedah atas simpanan tetap diterima bagi tahun semasa diiktiraf atas dasar terakru.

2.12 Manfaat kakitangan

Lembaga mengiktiraf liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa akan datang dan perbelanjaan apabila Lembaga menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk faedah pekerja.

(a) Manfaat kakitangan jangka panjang

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Manfaat kakitangan jangka panjang

(i) Pelan caruman tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila urusanniaga berlaku.

(ii) Gantian cuti rehat

Gantian cuti rehat diakru sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan dan liabiliti manfaat kakitangan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jumlah maksimum gantian cuti rehat ialah 160 hari (2021: 150 hari).

2.13 Percukaian

Secara umumnya, Lembaga merupakan sebuah organisasi yang bukan berlandaskan keuntungan dan punca pendapatan utamanya merupakan yuran pendaftaran dan yuran tahunan. Bagaimanapun, Lembaga juga mempunyai punca pendapatan yang lain seperti hasil faedah di mana ianya tidak tergolong di dalam pengecualian menurut perintah cukai pendapatan (pengecualian) (no. 4) 2003.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.13 Percukaian (Sambungan)

Cukai pendapatan atas untung atau rugi bagi tempoh semasa terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh cukai bagi tempoh semasa dan dikira menggunakan kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan di antara asas cukai dan nilai bawaan bagi aset dan liabiliti dalam Penyata Kewangan. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh di mana aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan atau sebahagian besarnya dikuatkuasakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

2.14 Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.15 Mengofset instrumen kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.16 Pihak berkaitan

Lembaga menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Lembaga, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

2.17 Maklumat bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Penyata Perbandingan Bajet dan Jumlah Sebenar tidak dinyatakan di Penyata Kewangan ini kerana bajet Lembaga diputuskan tidak disiar kepada umum. Ianya selaras dengan MPSAS 24 di mana Lembaga adalah sebuah Perusahaan Perniagaan Kerajaan.

2.18 Pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran

Lembaga berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan Penyata Kewangan selain yang dinyatakan di bawah:

Pengukuran peruntukan

Lembaga sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.18 Pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran (Sambungan)

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Sesuatu kos hartanah, loji dan peralatan akan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu hartanah, loji dan peralatan itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

Pelunasan aset tak ketara

Sesuatu kos aset tak ketara akan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus. Anggaran akan digunakan dalam pemilihan kaedah pelunasan, hayat berguna dan nilai sisa. Penggunaan sebenar manfaat ekonomi sesuatu aset tak ketara itu mungkin berbeza daripada anggaran yang digunakan dan ini boleh memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian apabila aset-aset tersebut dijual atau dilupus.

3. SIMPANAN TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif boleh terima bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen adalah di antara 1.85% hingga 3.05% (2021: 1.50% hingga 4.10%) setahun. Tempoh pemegangan simpanan tetap ialah antara 30 hari hingga 2 tahun (2021: 30 hari hingga 2 tahun).

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urusniaga pertukaran belum terima pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Melepasi tempoh kena bayar 01 sehingga 30 hari	39,800	191,800
Melepasi tempoh kena bayar 31 sehingga 60 hari	3,500	27,000
Melepasi tempoh kena bayar 61 hari	14,700	1,500
	58,000	220,300

Caj tambahan sebanyak 1% sebulan dikenakan bagi pembayaran yang melebihi tempoh 90 hari. Terma ini hanya tertakluk kepada sijil yuran akreditasi. Tiada caj tambahan atau faedah yang dikenakan bagi urusniaga yang lain.

5. PELBAGAI BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

	2022	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Penghutang lain	133,700	88,225
Pelbagai deposit am	19,536	18,328
Pembayaran terdahulu	123,240	83,479
Faedah terakru	317,143	317,491
	593,619	507,523

Pelbagai belum terima, deposit dan pendahuluan adalah tidak bercagar, tiada faedah dan tiada terma pembayaran yang tetap.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2022	Pada	Tambahan	Pelupusan	Pada
Kos	1.1.2022			31.12.2022
	RM	RM	RM	RM
Lembaga Jurutera Malaysia				
- Bangunan milik bebas	2,882,884	-	-	2,882,884
- Peralatan pejabat	615,068	-	-	615,068
- Perabot dan kelengkapan	665,747	-	-	665,747
- Peralatan komputer	720,371	16,600	-	736,971
- Pengubahsuaian	626,757	157,862	-	784,619
- Kenderaan bermotor	6,264	-	-	6,264
	5,517,091	174,462	-	5,691,553
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)				
- Peralatan komputer	194,425	8,300	(8,100)	194,625
- Peralatan pejabat	46,771	-	-	46,771
- Perabot dan kelengkapan	745	-	-	745
- Kenderaan bermotor	6,623	-	-	6,623
	248,564	8,300	(8,100)	248,764
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)				
- Peralatan komputer	32,836	-	-	32,836
- Perabot dan kelengkapan	715	-	-	715
	33,551	-	-	33,551
	5,799,206	182,762	(8,100)	5,973,868
2022	Pada	Tambahan	Pelupusan	Pada
Susut nilai terkumpul	1.1.2022			31.12.2022
	RM	RM	RM	RM
Lembaga Jurutera Malaysia				
- Bangunan milik bebas	403,604	57,658	-	461,262
- Peralatan pejabat	303,213	55,679	-	358,892
- Perabot dan kelengkapan	263,805	65,857	-	329,662
- Peralatan komputer	565,646	73,232	-	638,878
- Pengubahsuaian	276,081	58,622	-	334,703
- Kenderaan bermotor	6,263	-	-	6,263
	1,818,612	311,048	-	2,129,660
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)				
- Peralatan komputer	162,869	20,439	(8,099)	175,209
- Peralatan pejabat	39,566	2,814	-	42,380
- Perabot dan kelengkapan	223	74	-	297
- Kenderaan bermotor	6,622	-	-	6,622
	209,280	23,327	(8,099)	224,508
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)				
- Peralatan komputer	18,688	4,939	-	23,627
- Perabot dan kelengkapan	213	71	-	284
	18,901	5,010	-	23,911
	2,046,793	339,385	(8,099)	2,378,079

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

	2022 RM	2021 RM
Nilai bawaan		
Lembaga Jurutera Malaysia		
- Bangunan milik bebas	2,421,622	2,479,280
- Peralatan pejabat	256,176	311,855
- Perabot dan kelengkapan	336,085	401,942
- Peralatan komputer	98,093	154,725
- Pengubahsuaian	449,916	350,676
- Kenderaan bermotor	1	1
	3,561,893	3,698,479
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)		
- Peralatan komputer	19,416	31,556
- Peralatan pejabat	4,391	7,205
- Perabot dan kelengkapan	448	522
- Kenderaan bermotor	1	1
	24,256	39,284
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)		
- Peralatan komputer	9,209	14,148
- Perabot dan kelengkapan	431	502
	9,640	14,650
	3,595,789	3,752,413

7. ASET TAK KETARA

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	285,761	40,971
Pindahan daripada kerja dalam kemajuan	628,800	330,614
Pelunasan	(225,253)	(85,824)
Baki pada 31 Disember	689,308	285,761

8. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	584,700	654,187
Tambahan dalam tahun	44,100	261,127
	628,800	915,314
Pindahan ke aset tak ketara	(628,800)	(330,614)
Baki pada 31 Disember	-	584,700

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

9. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urusniaga pertukaran belum bayar pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	2022 RM	2021 RM
Melepasi tempoh kena bayar 01 sehingga 30 hari	-	402,018
Melepasi tempoh kena bayar 31 sehingga 60 hari	-	11,000
Melepasi tempoh kena bayar 61 hari	16,534	17,309
	16,534	430,327

Urusniaga pertukaran belum bayar adalah tidak bercagar dan tiada faedah. Terma pembayaran mengikut polisi Lembaga adalah 30 hari.

10. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

	2022 RM	2021 RM
Pemiutang lain	21,710	195,336
Bayaran juruaudit	18,020	18,020
Bayaran jurucukai	10,000	5,910
Deposit dipegang	3,742,614	3,281,202
Peruntukan dan terakru	1,202,446	1,079,333
	4,994,790	4,579,801

Pelbagai belum bayar dan perbelanjaan terakru adalah tidak bercagar dan tiada faedah. Terma pembayaran mengikut polisi Lembaga adalah 30 hari.

11. GANTIAN CUTI REHAT

	2022 RM	2021 RM
Baki pada 1 Januari	327,415	306,167
Peruntukan tahun semasa	14,666	21,248
Baki pada 31 Disember	342,081	327,415
Dianalisa sebagai:		
Gantian cuti rehat jangka pendek	28,160	39,848
Gantian cuti rehat jangka panjang	313,921	287,567
	342,081	327,415

Pengiraan peruntukan gantian cuti rehat adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Tahun 2022 dan kadar kenaikan gaji adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Peruntukan manfaat kakitangan merujuk kepada pelan manfaat persaraan yang membenarkan kakitangan mengumpul cuti tahunan yang boleh ditukarkan kepada wang tunai di mana bayaran sekaligus dibuat pada tarikh persaraan wajib atau lebih awal melalui persaraan pilihan, persaraan disebabkan kesihatan atau meninggal dunia dalam perkhidmatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

12. YURAN PENDAFTARAN, PEMROSESAN DAN TAHUNAN

	2022 RM	2021 RM
Pendaftaran		
Yuran pendaftaran - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	10,250	9,125
Yuran pendaftaran - pemeriksa bertauliah (AC)	600	2,100
Yuran pendaftaran - pertubuhan perbadanan (BC)	47,000	44,500
Yuran pendaftaran - jurutera professional (PE)	166,650	102,900
Yuran pendaftaran - jurutera professional asing (RFPE)	-	300
Yuran pendaftaran - pelbagai bidang (MD)	2,500	3,000
Yuran pendaftaran - pemeriksa tapak (IOW)	16,350	12,350
Yuran pendaftaran - PEPC	6,000	100
Yuran peperiksaan (PAE)	440,500	213,500
Yuran peperiksaan (PCE)	284,500	315,600
Yuran penambahan bidang	2,000	3,200
	976,350	706,675
Pemprosesan		
Yuran pemprosesan - pemegang amanah	14,000	10,000
Yuran pemprosesan - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	2,650	2,300
Yuran pemprosesan - pemeriksa bertauliah (AC)	250	550
Yuran pemprosesan - pertubuhan perbadanan (BC)	3,300	2,750
Yuran pemprosesan - jurutera professional (PE)	37,000	20,500
Yuran pemprosesan - pelbagai bidang (MD)	100	200
Yuran pemprosesan - pemeriksa tapak (IOW)	38,800	33,850
Yuran pemprosesan - jurutera professional asing (RFPE)	-	300
Yuran pemprosesan - PAE	88,400	42,900
Yuran pemprosesan - PCE	34,700	37,200
Yuran pemprosesan - PEPC	1,600	50
Yuran pemprosesan - jurutera siswazah	824,350	716,800
Yuran pemprosesan - teknologi kejuruteraan	91,750	98,550
	1,136,900	965,950
Tahunan		
Yuran tahunan - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	207,750	207,750
Yuran tahunan - pemeriksa bertauliah (AC)	1,950	2,000
Yuran tahunan - pertubuhan perbadanan (BC)	588,500	568,000
Yuran tahunan - jurutera professional (PE)	491,750	459,000
Yuran tahunan - pelbagai bidang (MD)	23,500	24,000
Yuran tahunan - jurutera professional asing (RFPE)	500	-
Yuran tahunan - pemeriksa tapak (IOW)	19,830	21,805
Yuran tahunan - PEPC	1,803,800	1,827,400
	3,137,580	3,109,955
Pendaftaran semula		
Yuran pendaftaran semula - milikan tunggal (SP) dan perkongsian	64,100	37,600
Yuran pendaftaran semula - pertubuhan perbadanan (BC)	84,700	145,200
Yuran pendaftaran semula - jurutera professional (PE)	148,050	128,550
Yuran pendaftaran semula - pelbagai bidang (MD)	6,050	12,100
Yuran pendaftaran semula - pemeriksa tapak (IOW)	30,660	20,640
Yuran pendaftaran semula - PEPC	118,900	178,350
	452,460	522,440
	5,703,290	5,305,020

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

13. FAEDAH SIMPANAN TETAP

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Faedah simpanan tetap	739,771	733,032

Faedah simpanan tetap adalah terdiri daripada faedah simpanan tetap tahun semasa dan faedah terakru.

14. PENDAPATAN LAIN

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Jualan borang sijil pematuhan dan siap	6,090	17,400
Geran	65,000	-
Penalti dan rayuan	48,650	72,300
Aktiviti ulangtahun LJM	501,500	-
Lain-lain pendapatan	10,910	13,485
	632,150	103,185

15. EMOLUMEN

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Gaji dan upah	3,370,352	3,527,180
Bonus	220,309	249,374
Kumpulan Simpanan dan Wang Pekerja	445,941	453,386
PERKESO	45,335	44,726
Elaun tetap	239,600	190,651
Elaun perubatan	30,941	32,720
Elaun lebih masa	8,988	10,203
Insuran kakitangan	90,906	94,128
Sumbangan untuk kakitangan	7,500	13,500
Gantian Cuti Rehat	14,666	21,248
	4,474,538	4,637,116

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

16. AKTIVITI DAN PROGRAM

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Latihan dan seminar	136,577	104,762
Hari LJM	14,980	37,153
Subsisten, penginapan dan perjalanan	734,808	139,099
Anugerah Presiden LJM	120,000	50,000
Pelan Strategik Organisasi LJM	570,402	334,242
Hari Profesion Teknikal Negara	-	5,000
Penerbitan	285,126	14,700
Aktiviti ulangtahun LJM ke-50	498,897	-
Kajian Penggunaan Teknologi Baru di Kalangan Amalan Perundingan Kejuruteraan Malaysia	50,800	-
	2,411,590	684,956

17. ELAUN DAN HONORARIUM

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Elaun mesyuarat	1,094,050	1,550,400
Elaun penyiasatan	697,100	636,500
Elaun pemeriksa	395,774	364,059
Honorarium	525,450	568,100
	2,712,374	3,119,059

18. PERBELANJAAN – PERBELANJAAN LAIN

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Penyimpanan dokumen	16,951	15,900
Yuran langganan	33,584	38,471
Pemberian dan saguhati	65,791	64,457
Iklan	4,361	721
Pemulangan Wang Arahan Berdaftar	35,185	11,335
Bekalan pejabat lain	1,461	2,609
Caj bank	24,226	21,504
Denda dan penalti	-	751
	181,559	155,748

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

19. CUKAI

	2022 RM	2021 RM
(Lebihan)/Kurangan peruntukan tahun lepas	(172,106)	8,606
Peruntukan tahun semasa	171,239	338,636
	<u>(867)</u>	<u>347,242</u>

Kadar cukai yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap pendapatan bercukai adalah RM133,450 bagi RM600,000 terawal dan 26% ke atas baki pendapatan bercukai (2021: RM237,650 bagi RM1,000,000 terawal dan 28% ke atas baki pendapatan bercukai). Pada tahun semasa, terdapat pelarasan tahun 2021 yang memberi kesan kepada belanja cukai.

Penyamaan perbelanjaan cukai dengan kadar cukai pendapatan berkanun:

	2022 RM	2021 RM <i>Dinyatakan semula</i>
Kurangan sebelum cukai	(1,587,104)	(730,072)
Kesan cukai oleh:		
Cukai ke atas faedah simpanan tetap dan akaun semasa	171,239	338,636
(Lebihan)/Kurangan peruntukan cukai pada tahun sebelumnya	(172,106)	8,606
	<u>(867)</u>	<u>347,242</u>

	2022 RM	2021 RM
Pada 1 Januari	15,118	105,819
Anggaran cukai bagi tahun semasa yang dibayar	235,742	299,504
Terimaan cukai boleh pulih	(66,404)	(42,963)
Perbelanjaan cukai tahunan	867	(347,242)
Cukai boleh pulih	<u>185,323</u>	<u>15,118</u>

20. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

20.1 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajibannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Lembaga mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institusi kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Lembaga adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Lembaga hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi dasar Lembaga bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

20. PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

20.2 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Lembaga akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Lembaga kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Lembaga pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2022		
Urusniaga pertukaran belum bayar	16,534	16,534
Pelbagai belum bayar dan perbelanjaan terakru	4,994,790	4,994,790
	5,011,324	5,011,324
Pada 31 Disember 2021		
Urusniaga pertukaran belum bayar	430,327	430,327
Pelbagai belum bayar dan perbelanjaan terakru	4,579,801	4,579,801
	5,010,128	5,010,128

20.3 Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Lembaga akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

20.4 Nilai saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum bayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

21. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Lembaga sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	Jumlah Ahli	2022 RM	Jumlah Ahli	2021 RM
Gaji pihak pengurusan				
Eksekutif:				
Gaji	3	233,765	2	346,927
Elaun tetap	3	57,600	4	54,652
Elaun mesyuarat	3	151,900	4	139,400
Bukan Eksekutif:				
Elaun mesyuarat	24	288,900	16	348,500
	33	732,165	26	889,479

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

22. KOMITMEN MODAL DAN PERBELANJAAN MODAL

	2022 RM	2021 RM
Perbelanjaan modal yang telah diluluskan oleh Lembaga dan dikontrakkan	628,800	930,614
Belanja setakat 31 Disember	(628,800)	(895,814)
	-	34,800

23. PELARASAN TAHUN LEPAS

Kesan kepada Penyata Kedudukan Kewangan bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 setelah mengambil kira pembetulan kesilapan asas adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan Semula RM
ASET			
ASET SEMASA			
Pelbagai belum terima, deposit dan pendahuluan	997,588	(490,065)	507,523

Kesan kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 setelah mengambil kira pembetulan kesilapan asas adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan Semula RM
PENDAPATAN DARI URUSNIAGA PERTUKARAN			
Faedah simpanan tetap	1,192,295	(459,263)	733,032
PERBELANJAAN			
Emolumen	4,610,418	26,698	4,637,116
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	166,405	2,746	169,151
Perhubungan dan utiliti	726,856	1,358	728,214

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

23. PELARASAN TAHUN LEPAS (SAMBUNGAN)

Kesan kepada Penyata Aliran Tunai bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 setelah mengambil kira pembedaan kesilapan asas adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pelarasan RM	Dinyatakan Semula RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan pendapatan sebelum cukai	(240,007)	(490,065)	(730,072)
Pelarasan bagi:			
Faedah simpanan tetap	(1,192,295)	459,263	(733,032)
(Penambahan)/ Kurangan pelbagai belum terima, deposit dan pendahuluan	(446,904)	490,065	43,161

24. PENGKELASAN SEMULA TAHUN SEMASA DAN ANGKA BANDINGAN

Kesan kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 setelah mengambil kira pengkelasan semula tahun semasa adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pengkelasan Semula RM	Dinyatakan Semula RM
PENDAPATAN DARI URUSNIAGA PERTUKARAN			
Pendapatan lain	103,125	60	103,185
Risalah dan buletin	60	(60)	-
PERBELANJAAN			
ISO perundingan	8,828	(8,828)	-
Kursus, seminar dan forum	671,553	(671,553)	-
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti	73,825	8,828	82,653
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	166,405	(10,657)	155,748
Aktiviti dan program	-	684,956	684,956

Kesan kepada Nota-nota Kepada Penyata Kewangan (Nota 14) bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 setelah mengambil kira pengkelasan semula tahun semasa adalah seperti berikut:

	Dinyatakan Terdahulu RM	Pengkelasan Semula RM	Dinyatakan Semula RM
PENDAPATAN LAIN			
Jualan borang sijil pematuhan dan siap	17,400	-	17,400
Pengiklanan	5,280	(5,280)	-
Komisen bank	17	(17)	-
Tuntutan dan lain-lain	2,000	(2,000)	-
Lain-lain pendapatan	78,428	(64,943)	13,485
Penalti dan rayuan	-	72,300	72,300



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
TINGKAT 11 & 17, BLOK F, IBU PEJABAT JKR
JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50580 KUALA LUMPUR

TEL : +603-26912090
EMAIL : ENQUIRY@BEM.ORG.MY

FAX : +603-26925017
WEB : WWW.BEM.ORG.MY